



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan Law Hieng D'ng [Ruangan 3405]

### **PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Ucapan Tahniah atas Lantikan Semula [Ruangan 3405]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 3405]

### **URUSAN MESYUARAT [Ruangan 3406]**

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3407]**

### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 3438]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1980 [Ruangan 3439]

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHEAL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 12hb Disember, 1979**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Law Hieng Ding.

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA**

**Ucapan Tahniah atas Lantikan Semula**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang dilantik semula itu akan dapat meneruskan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan kita ini dan kepada negara seterusnya.

**Perutusan daripada Dewan Rakyat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rancangan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"1hb Disember, 1979

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rancangan Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rancangan Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);

- (2) Rancangan Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2);
- (3) Rancangan Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (No. 2);
- (4) Rancangan Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
- (5) Rancangan Undang-undang Pemberian Perambahan Hasil (Pindaan);
- (6) Rancangan Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979);
- (7) Rancangan Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
- (8) Rancangan Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan);
- (9) Rancangan Undang-undang Pinjaman (Tempatan), Pinjaman Luarnegeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan);
- (10) Rancangan Undang-undang Racun (Pindaan);
- (11) Rancangan Undang-undang Pencen;
- (12) Rancangan Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan);
- (13) Rancangan Undang-undang Taman Negara;
- (14) Rancangan Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2);
- (15) Rancangan Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia; dan
- (16) Rancangan Undang-undang Timbangtara (Pindaan).

*Tandatangan:*

*Yang di-Pertua Dewan Rakyat."*

**URUSAN MESYUARAT**

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rancangan Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (2):

- (1) Rancangan Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);

- (2) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2);
- (3) Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (No. 2);
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Pemberian Perambahan Hasil (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979);
- (7) Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan), Pinjaman Luarnegeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Racun (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Pencen;
- (12) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Taman Negara;
- (14) Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2);
- (15) Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia; dan
- (16) Rang Undang-undang Timbangtara (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### KAJIAN KEMAHIRAN MEMBACA BAGI MURID-MURID

**1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah hasil kajian yang telah dibuat terhadap murid-murid yang tidak tahu membaca di Sekolah Rendah dan Menengah dalam tiap-tiap negeri di Malaysia dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasinya.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menjalankan satu kajian Kemahiran Membaca bagi Bahasa Malaysia dalam

bulan Jun dan Julai 1979, di semua jenis sekolah-sekolah rendah di Malaysia, meliputi murid-murid dari Darjah 1 hingga Darjah 6 dan penganalisaan data secara mendalam sedang dijalankan. Dari analisa awal, beberapa keadaan telah dapat dikesan:

- (1) Semakin naik murid-murid itu ke darjah yang lebih tinggi, semakin kurang bilangan mereka yang tidak boleh membaca. Ini menunjukkan bahawa taraf kebolehan membaca adalah meningkat.
- (2) Di antara murid-murid yang lemah membaca, Kementerian telah dapat mengesan jenis-jenis kesukaran yang mereka hadapi, misalnya kesukaran membaca bahan-bahan yang panjang seperti ayat dan kalimat, kesukaran membaca bahan yang sederhana seperti rangkai kata dan perkataan, dan kesukaran membaca bahan-bahan yang pendek seperti sukukata, huruf dan angka.

Berdasarkan hasil kajian ini kelak, Kementerian saya akan membina satu set ujian diagnostik bacaan yang sempurna untuk kegunaan guru-guru bagi membolehkan mereka mengesan dari semasa ke semasa kelemahan dan kesukaran membaca yang dihadapi oleh murid masing-masing. Seterusnya, Kementerian akan mengatur langkah-langkah pemulihan untuk menolong murid-murid yang didapati lemah membaca ini.

Pada masa ini, Kementerian saya sedang menyusun sebuah buku panduan mengajar Bacaan Asas yang di dalamnya mengandungi berbagai teknik dan kaedah yang tersusun untuk kegunaan guru-guru khususnya di darjah satu. Di samping itu, untuk kepentingan masa hadapan, Kementerian akan menjalankan projek-projek percubaan mengenai kesesuaian kaedah dengan situasi sekolah supaya pengajaran bacaan kelak menjadi lebih berkesan. Usaha-usaha menerbitkan buku-buku bacaan tambahan juga sedang dijalankan untuk menambah minat murid-murid di peringkat rendah terus membaca.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu pada masa dulu budak-budak Standard I dan II, Sekolah Melayu, boleh membaca dan boleh menulis A,B,C,D cara

dulu. Hari ini Standard V, Sekolah Melayu, pun tidak boleh membaca dan menulis. Bolehkah atau tidak Kerajaan mengkaji balik sekali lagi dari cara baru balik ke cara lama iaitu mempelajari A,B,C, itu dengan betul mengikut cara dulu supaya boleh senang membaca dan menulis, iaitu macam zaman saya dan lain-lain? Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kajian bukan sahaja boleh, tetapi sudahpun dibuat dan kajian dengan mendalam sudahpun dipastikan hasilnya oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran dan hasilnya akan dihebahkan pada hari Jumaat yang akan datang.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang beberapa banyak murid sekolah rendah daripada kawasan luar bandar apabila masuk ke Remove Class ataupun ditukar ke sekolah-sekolah di bandar, mereka tidak dapat belajar jika dibandingkan dengan budak-budak di sekolah bandar dan darjah pengajarannya bukannya begitu susah jika dibandingkan di antara sekolah mereka di luar bandar dengan sekolah di bandar. Jadi harapan murid-murid itu amat tipis, adakah ini menunjukkan satu daripada sebab-sebabnya ialah darjah pengajaran di Sekolah Rendah di bandar amat kurang pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini soalan lain. Soal membaca dan menulis dengan soal darjah, maknanya standard pengajaran berbeza dengan soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani.

**Tuan Haji Fadzil bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

### DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL TAWAU

2. **Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini hanya seorang doktor pakar bertugas di Tawau, iaitu Doktor Isaac Thomas, dan beliau adalah ditugaskan 2 minggu di Tawau dan 2

minggu di Kota Kinabalu dan sama ada Kementerian boleh mengatasi masalah kekurangan doktor pakar ini khasnya di Tawau.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya dimaklumkan bahawa Hospital Tawau mempunyai 3 orang pakar iaitu seorang Pakar Bedah, seorang Pakar Perubatan dan seorang Pakar Mata.

Pada bulan Jun tahun ini, apabila Pakar Bedah Kanan di Hospital Kota Kinabalu pergi bercuti selama 4 bulan, satu susunan kerja (arrangement) telah dibuat di mana Doktor Pakar Bedah dari Tawau telah ditugaskan di Kota Kinabalu sebagai "relief surgeon" selama 2 minggu dalam sebulan. Walau bagaimanapun, sekembalinya Doktor Pakar Bedah yang bercuti itu ke Kota Kinabalu pada pertengahan bulan Oktober tahun ini, maka keadaan ini telah baik seperti sediakala, iaitu Pakar Bedah dari Hospital Tawau telah tidak dikehendaki bertugas di Kota Kinabalu dan telahpun kembali bertugas di Hospital Tawau secara tetap.

Usaha sentiasa dibuat oleh Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan pakar-pakar bertugas dengan Kementerian Kesihatan ataupun Kerajaan dengan mengambil pakar-pakar dari seberang laut secara kontrek di samping melatih doktor-doktor dan menggalakkan doktor-doktor tempatan menjadi pakar. Apabila kita mendapat pakar-pakar ini, ianya dihantar di negeri-negeri dan hospital-hospital yang mengalami kekurangan bilangan pakar-pakar.

### PENDATANG HARAM VIETNAM

3. **Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) negeri-negeri Komanwel yang menyokong rayuan Malaysia mengenai pendatang haram Vietnam dalam Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Lusaka baru-baru ini; dan
- (b) negeri-negeri Komanwel yang bersetuju menerima pendatang haram Vietnam untuk penempatan semula serta bilangan-bilangan yang sedia diterimanya.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Komanwel sebagai

satu kumpulan telah menyokong pendirian yang diambil oleh Malaysia mengenai masalah-masalah pendatang-pendatang haram dari Vietnam. Di dalam kenyataan bersama di Lusaka yang telah dikeluarkan selepas tamat persidangan itu, Ketua-ketua Negara Komanwel telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai bebanan dan masalah orang-orang pelarian Indo-China terutama yang dari Vietnam yang telah menimbulkan masalah-masalah politik, sosio-ekonomi dan keselamatan yang berat kepada negara-negara di Asia Tenggara ini.

Persidangan ini telah mengambil perhatian bahawa sekiranya masalah-masalah ini tidak dikawal ianya akan terus menjejaskan kestabilan rantau ini. Mereka telah memberi penghargaan di atas sumbangan Malaysia sebagai satu daripada negara-negara persinggahan pertama pelarian-pelarian Vietnam ini di Asia Tenggara ini dalam usaha mendapatkan penyelesaian masalah tersebut.

Negara-negara Komanwel yang mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam dari Malaysia untuk ditempatkan di negara masing-masing adalah Australia, Kanada, New Zealand dan United Kingdom. Jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam yang telah mereka terima untuk jangka masa dari tahun 1975 hingga akhir bulan November, 1979 ialah seperti berikut:

Australia	...	...	13,143 orang
Kanada	...	...	10,852 orang
New Zealand	...	...	624 orang
United Kingdom	...	...	274 orang

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya Kerajaan negeri-negeri Komanwel dan Kerajaan lain di dunia yang mengambil orang-orang ini yang saya tahu dibahagi dua.

Satu, orang-orang yang terpelajar, yang pandai diambil.

Keduanya, orang-orang yang tidak ada pelajaran dan orang tua, kanak-kanak dan sebagainya daripada pelarian Vietnam ini.

Jikalau sekiranya Kerajaan-kerajaan yang lain ini tidak terima lagi bagaimana, adakah Kerajaan bersedia apa yang kita hendak buat kepada beratus ribu orang ini yang akan kita tanggung selama-lamanya ataupun kalau tidak ditanggung pun soal security dan se-

bagainya terpaksa juga dijaga? Apakah cadangan kita pada hari ini yang Kerajaan kita buat?

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Ini tidak mungkin timbul, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sudah dapat jaminan dari beberapa negara, mereka akan bersedia bersungguh-sungguh untuk mengambil pelari-pelari daripada Vietnam ini. Sebenarnya setakat ini  $\frac{3}{4}$  daripada bilangan pelari-pelari dari Vietnam telahpun dapat keluar dan diterima oleh negara masing-masing. Saya rasa mengikut trend sekarang ini keadaan tidak akan membimbangkan.

### IMPORT MINYAK DIESEL

**4. Tuan Yap Peng** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang negara yang telah dibayar bagi mengimpot minyak diesel dalam enam (6) bulan pertama tahun ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan minyak diesel dalam negeri ini adalah dibekalkan dari minyak yang ditapis oleh Syarikat Penapis Minyak tempatan dan juga yang diimport Bahagian minyak diesel yang diimport adalah dilakukan sendiri oleh syarikat-syarikat minyak.

Untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh pengguna-pengguna bahan ini akibat dari kenaikan harga minyak mentah, Kerajaan telah membayar subsidi kepada syarikat-syarikat yang menapis dan mengimport minyak diesel. Untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini sejumlah \$7.22 juta telah dibayar oleh Kerajaan sebagai subsidi ke atas minyak diesel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk keseluruhan tahun 1979 dan 1980, adalah dianggarkan Kerajaan terpaksa membayar subsidi ke atas minyak diesel dan minyak tanah masing-masing berjumlah \$173.5 juta dan \$335 juta. Di samping membayar subsidi ini, Kerajaan juga kehilangan hasil melalui pengecualian cukai ke atas minyak premium dan regular. Adalah dianggarkan untuk tahun 1979 dan 1980 kehilangan hasil yang terlibat dari pengecualian ini ialah masing-masing sebanyak \$11.7 juta dan \$38.6 juta.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah minyak yang dikeluarkan di Malaysia ini dijadikan minyak diesel?

Kedua, kalau boleh, adakah minyak yang dijadikan minyak diesel itu boleh mencukupi bagi kegunaan Malaysia sendiri? Kalau mencukupi kenapa yang kita berhajat mengimpot lagi minyak diesel daripada luar?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, keluaran minyak dalam negeri ini sebanyak mana yang boleh adalah ditukarkan menjadi bahan diesel, tetapi seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum minyak dalam negeri ini oleh kerana kandungan teknikalnya dari segi kandungan belerangnya adalah begitu rendah maka lebih menguntungkan bagi kita menjual minyak premium tinggi ini dan mendapati minyak crude yang berbentuk belerang banyak daripada negeri-negeri Timur Tengah misalnya.

#### **MINYAK DIESEL DAN MINYAK TANAH—BEKALAN**

**5. Puan Dasimah Dasir** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi kekurangan minyak diesel dan minyak tanah supaya pengguna-pengguna tidak akan kecewa dengan papan tanda "sudah habis jual" di hadapan stesyen minyak di negara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah banyak menerima soalan berkenaan dengan bekalan dan harga-harga barang-barang petrolium, khasnya bekalan dan harga minyak tanah dan diesel. Pada keseluruhannya soalan yang dikemukakan adalah berkenaan dengan langkah-langkah dan tindakan yang diambil untuk mengatasi kekurangan minyak diesel dan dengan hal yang demikian saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan satu jawapan yang menyeluruh pada hari ini sebagai jawapan yang meliputi semua soalan-soalan yang berkaitan dengan perkara ini.

Jawapan saya akan memakan masa lama sedikit, kerana perkara ini penting dan perlu diberi satu gambaran yang nyata di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan nombor berapa?

**Dato' Lew Sip Hon:** Soalan No. 5.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi—lain-lain soalan berkaitan dengan perkara ini?

**Dato' Lew Sip Hon:** Lain-lain soalan adalah pada hari-hari yang akan datang dan ada soalan-soalan tidak kurang daripada 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk hari ini sahaja!

**Dato' Lew Sip Hon:** Saya akan memberi satu jawapan yang lengkap kepada semua soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan untuk hari ini sahaja boleh diberi. Untuk hari-hari yang lain, saya tidak izinkan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, masalah barang-barang petrolium di negara ada mempunyai kaitan yang rapat dengan kedudukan dan bekalan minyak mentah dunia. Di masa yang lampau sebarang rupa bentuk kekurangan dapat diatasi dengan memberikan tambahan bekalan tanpa sebarang had tetapi keadaannya sekarang telah berubah disebabkan kekurangan pengeluaran minyak mentah di seluruh dunia. Keadaan seperti ini telah menimbulkan satu suasana di negara ini di mana orang ramai pula berusaha untuk mencari jalan daripada menerima akibat kesusahan mendapatkan bekalan iaitu dengan membekalkan diri mereka dengan bekalan lebih daripada kegunaan biasa. Berikutan dengan tindakan ini maka timbullah "panic reaction" di kalangan pengguna-pengguna sehingga ada yang sanggup membayar lebih kepada mana-mana pihak asalkan mereka mendapatkan bekalan. Keadaan "panic reaction" dan kesanggupan pengguna-pengguna untuk membayar lebih telah memberikan peluang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan penyorokan untuk dijual dengan harga yang tinggi dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang. Adalah dipercayai jika benar-benar bekalan minyak di negara tidak ada maka walau dengan apa harga sekalipun mereka tidak akan dapat

membeli minyak diesel. Di samping itu, ada juga terdapat pihak-pihak yang menyeludup diesel ke luar daripada negara ini dan ada juga pihak-pihak yang mendapatkan bekalan yang lebih hingga menyebabkan bekalan pada pam-pam berkurangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan diesel negara bagi lapan bulan pertama tahun 1979 jika dibandingkan dengan bekalan diesel lapan bulan pertama tahun 1978, telah menunjukkan pertambahan sebanyak 49 juta gelen yang mana ini memberikan peratusan bekalan tambahan sebanyak 14.23%. Di samping itu, pengeluaran minyak diesel di negara juga telah bertambah jika dibandingkan dengan pengeluaran tahun 1978. Jumlah pengeluaran minyak diesel bagi lapan bulan pertama tahun 1979 adalah menunjukkan angka pertambahan sebanyak 21 juta gelen jika dibandingkan dengan pengeluaran bagi jangkamasa yang sama dalam tahun 1978. Ini mencatatkan peraturan 8.58%.

Sukalah saya menyatakan bahawa bekalan minyak diesel di negara ini adalah diperbuat oleh syarikat-syarikat minyak kepada pengguna-pengguna dengan dilaksanakan melalui cara-cara pemasaran seperti berikut:

- (i) Pasaran secara runcit yang mana pembelian adalah diperbuat melalui pam-pam minyak;
- (ii) Pasaran industri yang mana bekalan diesel disalurkan melalui pengedar-pengedar atau penjual-penjual dan melalui pasaran inilah bekalan-bekalan kepada nelayan-nelayan, petani-petani dan lain-lain pengguna selain daripada kenderaan diberikan bekalan;
- (iii) Jualan secara terus-menerus, atau direct to consumers, dan bekalan kepada pengguna-pengguna ini adalah dilaksanakan di antara pembeli dengan syarikat minyak.

Sebelum 30-8-79 harga jualan kepada ketiga-tiga penggunaan ini adalah berlainan di antara satu sama lain tetapi selepas tarikh yang disebutkan di atas Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyatukan harga jualan-jualan ini di satu paras harga sahaja dengan tujuan supaya masalah-masalah harga tidak akan timbul. Tugas Kementerian saya adalah untuk menentukan bahawa setiap pengguna yang membeli melalui pasaran-pasaran yang disebutkan di atas mendapatkan bekalan mereka dengan harga

yang ditetapkan oleh Kerajaan. Maka di dalam konteks ini berbagai-bagai peraturan telah diadakan untuk membolehkan Kementerian membuat penentuan bahawa bekalan diesel di negara ada dan boleh diperolehi oleh semua pihak. Di antara tindakan-tindakan yang diambil di dalam menentukan bekalan diesel di negara adalah:

- (i) Membuat satu peraturan yang berkehendakkan semua syarikat-syarikat minyak dan pengedar-pengedar yang membekal diesel di negara ini supaya mengemukakan kepada Kementerian saya satu jadual yang lengkap bagi bekalan-bekalan yang dirancangan untuk dibekalkan kepada mana-mana pihak sebulan lebih awal daripada tarikh sebenar bekalan tersebut akan diperbuat. Di dalam Jadual ini maklumat-maklumat mengenai mana-mana penerimaan dan jumlah bekalan yang diberikan juga dikehendaki. Di samping itu, Kementerian juga telah mengadakan peraturan supaya semua Syarikat-syarikat Pembekal sama ada Syarikat-syarikat Minyak atau pengedar-pengedar mengemukakan laporan sebulan sekali kepada Kementerian saya memberikan keterangan-keterangan ke atas bekalan yang diperbuat bagi bulan-bulan yang lalu. Dengan ini jumlah sebenar bekalan yang diberikan kepada mana-mana pihak akan dapat diketahui dan jika sekiranya terdapat mana-mana pengguna-pengguna yang mendapat bekalan yang kurang Kementerian bolehlah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya dengan mengarah Syarikat-syarikat Minyak atau pengedar-pengedar berkenaan supaya memberikan bekalan yang mencukupi bagi kehendak-kehendak pengguna tersebut.
- (ii) Kementerian juga telah dan sedang memperhebatkan pemeriksaan-pemeriksaan untuk menentukan bahawa setiap bekalan yang diberikan tidak disalah gunakan oleh peniaga-peniaga dan pengguna-pengguna. Mana-mana pihak yang didapati melakukan penyelewengan tindakan akan dikenakan ke atas mereka di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

(iii) Kementerian saya juga di dalam proses untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna minyak diesel tidak menyimpan diesel berlebihan daripada kehendak-kehendak kegunaan mereka, telah mengeluarkan lesen-lesen dan surat-surat kuasa di mana had bekalan yang dibenarkan disimpan oleh sebuah syarikat itu ditetapkan. Penetapan ini dibuat dengan melakukan siasatan untuk membuat satu pengesahan ke atas penggunaan sebenar yang dikehendaki oleh pemohon-pemohon lesen-lesen atau surat-surat kuasa. Pada lazimnya jika permintaan had simpanan itu berlebihan daripada kehendak-kehendak sebenar yang diperlukan Kementerian saya akan hanya membenarkan jumlah-jumlah yang diperlukan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana pihak yang didapati menyimpan bekalan lebih daripada had yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di Mahkamah.

Dengan adanya peraturan-peraturan yang telah diperbuat dan pemeriksaan-pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kementerian saya maka satu penentuan boleh diperbuat oleh Kementerian bagi menentukan bahawa pengguna-pengguna diesel yang besar tidak menyimpan minyak diesel lebih daripada keperluan mereka.

Sebagai satu langkah untuk membantu Kerajaan dalam usahanya mengatasi masalah kekurangan bahan petrolium di negara Kerajaan telah membawa masuk PETRONAS ke dalam pasaran minyak diesel. PETRONAS sejak bulan Jun, 1979 telah membekalkan sebanyak 4 juta gelen minyak diesel ke pasaran negara, dan setakat ini PETRONAS telah mengadakan 14 buah stesyen minyak untuk menjual minyak tanah dan diesel secara runcit di seluruh negara. Satu perkara yang perlu dinyatakan bahawa di dalam proses ini PETRONAS tidak dapat berkembang dengan sertamerta disebabkan oleh masalah logistik. Dengan penyertaan PETRONAS bekalan minyak diesel dan minyak tanah di seluruh negara adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan di negara-negara lain.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan yang panjang lebar ini, saya ucapkan

terima kasih tetapi rakyat belum puas hati. Kalau masa dahulu dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supplynya cukup, segala-segalanya cukup, tentu tidak tiap-tiap kedai minyak mengatakan sudah habis bekalannya, itu sebabnya rakyat tidak puas hati bagaimana keadaannya. Kalau supply and demand cukup, tentu undang-undang tidak payah diadakan, jawapan yang panjang lebar tidak payah lagi, jadi ini tentulah ada sebab-sebabnya.

Saya dengar dan dapat tahu iaitu syarikat minyak yang besar-besar seperti Shell, Esso dan sebagainya, harganya tidak cukup lagi, sebab itu mereka brake dahulu, tidak mahu dijual banyak-banyak, inilah sebab-sebabnya. Kalau tidak, buat apa orang-orang hendak sorok minyak diesel, satu drum itu di mana hendak disorok? Di bawah tanah tidak boleh disorok. Perkara ini mesti disiasat. Bolehkah dicari jalan yang betul-betul ataupun dipanggil beberapa orang kita untuk menyoal Syarikat Shell ini, apa sebab dibuat begitu. Bolehkah dibuat begitu?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan juga Kerajaan boleh mengatasi semua masalah yang institutional tetapi saya ingat satu faktor yang penting yang mana kita tidak dapat kawal dengan tetap ialah faktor kemanusiaan (human factor). Ada setengah orang dia mampu hendak bayar harga yang lebih, ada setengah orang, ada peluang untuk menyeludup, peluang itu diambil.

Berkenaan dengan harga yang mana Kerajaan telah beri kepada syarikat-syarikat minyak ini tidak cukup, bolehlah saya katakan bahawa perkara ini telah diteliti dengan halus dan mendalam oleh Kerajaan dan pada bulan September yang mana harga telah dikaji semula, harga yang berpatutan telah diberi kepada barang-barang petrolium. Seperti saya katakan tadi untuk menstabilkan harga diesel dan minyak mentah, subsidi pun diberi kepada syarikat-syarikat minyak supaya galakan diberi untuk membekalkan minyak, barang-barang petrolium yang mencukupi untuk kegunaan di negara kita ini.

Seperti angka-angka yang saya berikan tadi, pada tahun ini bekalan diesel pun telah ditambah jika dibandingkan dengan tahun yang lalu. Saya rasa tidak ada sebab

yang syarikat-syarikat minyak ini tidak mahu atau enggan membekalkan barang-barang petroliaam yang cukup.

### ANGKATAN TENTERA— HUBUNGAN DENGAN RAKYAT

**6. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pada tiap-tiap hari Angkatan Tentera rakyat dapat diberi peluang bercampur gaul dan bertukar-tukar fikiran dengan anggota-anggota Angkatan Tentera.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam peperangan menentang "insurgency", kita adalah sedar betapa perlunya Angkatan Tentera kita bekerja dan berdamping dengan rakyat.

Kesedaran ini ternyata di pusat-pusat latihan tentera dan juga di unit-unit di mana perhubungan dua hala antara Angkatan Tentera dan rakyat ditekankan dan dipraktikkan.

Di peringkat-peringkat Kerajaan Pusat, Negeri dan Daerah, anggota Angkatan Tentera bekerjasama di dalam beberapa Jawatankuasa Awam di mana persefahaman dari segi pembangunan dan keselamatan adalah diwujudkan.

Di samping itu, pada waktu-waktu tertentu, termasuk pada Hari Angkatan Tentera orang-orang awam adalah dijemput melawat ke pusat-pusat dan unit-unit tentera untuk mereka mengenal dengan lebih dekat lagi tugas-tugas dan tanggungjawab Angkatan Tentera kita.

Sebaliknya, oleh kerana keperluan-keperluan professional seperti kederasan, kecekapan dan disiplin yang perlu dikekalkan ketat, Angkatan Tentera kita perlu terasing di dalam keadaan keliling (environment) mereka sendiri. Pada pandangan saya, hubungan yang ada pada masa ini antara rakyat dan Angkatan Tentera adalah mencukupi.

### MURID DALAM SESEBUAH KELAS

**7. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** minta Menteri Pelajaran menjelaskan sama ada beliau bercadang untuk mengkaji semula bilangan maksima murid-murid di dalam sesebuah darjah di sekolah-sekolah rendah, dari

bilangan maksima 50 orang sekarang ini ke bilangan yang lebih kecil, kerana dengan bilangan maksima sekarang ini didapati guru-guru tidak dapat memberi perhatian yang teliti kepada tiap-tiap murid.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa memandang berat masalah terlalu ramai murid di dalam sesebuah kelas terutama di sekolah-sekolah rendah di bandar. Langkah-langkah telahpun diambil untuk mengurangkan bilangan ini bagi tiap-tiap kelas jika sekiranya sekolah-sekolah yang berkenaan mempunyai cukup bilik darjah.

Walau bagaimanapun, satu Jawatankuasa di Kementerian Pelajaran telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah keseluruhan secara mendalam berhubung dengan perkara ini dan satu daripada perakuan yang dikemukakan ialah mengurangkan saiz kelas supaya pengajaran dan pembelajaran akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

### HARGA MINUMAN RINGAN

**8. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian, memandangkan Kerajaan telah membenarkan minuman ringan dijual dengan harga 40 sen sebotol di kedai kopi yang memberi keuntungan 90% tiap-tiap satu botol, menyatakan rumusan yang dipakai untuk membenarkan keuntungan begitu tinggi.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar bagi Kementerian saya untuk mengawasi kenaikan harga minuman ringan yang dijual di peringkat runcit terutama sekali di gerai-gerai di tepi jalan, di kedai-kedai kopi dan restoran. Adalah menjadi amalan kepada kedai-kedai tersebut untuk memasukkan perkhidmatan yang disediakan seperti hawa dingin, muzik dan hiburan di dalam harga minuman ringan. Apa yang Kementerian boleh buat ialah mengadakan satu harga tetap di kedai-kedai kopi yang terdapat di kebanyakan bandar. Adalah benar iaitu semasa meluluskan kenaikan harga ex-factory minuman ringan sebanyak 70 sen satu peti (iaitu daripada \$4.40 satu peti kepada \$5.10 satu peti), kelulusan telah juga diberi kepada

kedai-kedai kopi untuk menaikkan harga runcitnya sebanyak 5 sen satu botol. Memanglah benar iaitu dengan kenaikan harga ex-factory sebotol adalah sebanyak 21.3 sen dan telah diruncitkan sebanyak 40 sen satu botol dan keuntungan kasar tiap-tiap satu botol adalah sebanyak 9%.

Di sini inginlah saya menjelaskan bahawa dengan harga jualan 40 sen satu botol, kedai-kedai kopi hanya mendapat keuntungan kasar sebanyak 18.7 sen satu botol. Keuntungan sebanyak ini bukanlah keuntungan bersih, kerana kedai-kedai kopi tersebut terpaksa berbelanja untuk pengurusan, buruh, sewa kedai, api dan air, yang kesemuanya berjumlah kira-kira 10 sen sebotol.

Selepas ditolak perbelanjaan-perbelanjaan di atas, untung bersih yang didapati oleh sesuatu kedai kopi itu ialah sebanyak 8.7 sen sebotol sahaja. Keuntungan ini merupakan kira-kira 22 peratus sahaja dari harga jualan sebotol minuman ringan. Perlu diberi perhatian di sini bahawa kedai-kedai kopi adalah memberi perkhidmatan yang istimewa kepada awam. Sama juga dengan "coffee house" di hotel-hotel yang memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya dengan menjual minuman-minuman di atas dengan harga yang lebih tinggi.

Oleh itu, dengan kenaikan kadar letrik, sewa kedai dan kos buruh dan juga jumlah setiap hari sebanyak 2 atau 3 peti sahaja dijual, kenaikan harga minuman ringan pada peringkat kedai kopi baru-baru ini adalah menasabah.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya bandingkan iaitu berkenaan kopi dan teh di kedai kopi. Ada Persatuan Kedai Kopi meminta kepada Kementerian, iaitu daripada dahulu menjual 10 sen satu cawan kopi diminta naik 5 sen, jadi ditambah menjadi 15 sen. Sekarang diminta 5 sen lagi sampai 20 sen. Jadi, boleh atau tidak Kementerian buat begitu? Sebab jangan nanti daripada 40 sen dinaikkan menjadi 50 sen—sesuka hati naik. Kemudian daripada 50 sen boleh naik kepada 55 sen. Dengan sebab itu, saya cadangkan boleh atau tidak dibuat iaitu Coffee House Association atau apa pun yang kita namakan sekarang ini iaitu supaya berunding dengan Kerajaan dahulu, iaitu Kerajaan kita baiklah, jualan 40 sen tidak mengapa. Semua mesti jual 40 sen. Itu

tidak mengapa. Tetapi kadang-kadang dijual 50 sen, 60 sen dan 70 sen. Kadang-kadang air batu pun tidak dibubuh. Kadang-kadang muzik pun tidak ada tetapi diletakkan harga 40 sen. Kadang-kadang bangkunya pun bangku buruk tetapi diletakkan harga 40 sen juga. Jadi inilah sebabnya, bolehkah atau tidak dibuat oleh Kementerian kedai kopi menjual kopi dan teh yang harganya dikawal.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat itu pun telah diikuti. Sebagaimana saya katakan tadi sebelum kebenaran diberi kepada kedai-kedai kopi menaikkan harga 35 sen sampai 40 sen, Kementerian saya pun telah berunding dengan Persatuan Kedai-kedai Kopi di seluruh Malaysia dan jaminan pun telah diberi oleh persatuan itu yang mana ahli-ahli persatuan itu tidak boleh menjualkan dengan harga lebih daripada 40 sen satu botol.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab cukai untuk berjenis-jenis barang telah diturunkan baru-baru ini dalam Belanjawan tahun hadapan, rakyat ingin tahu apakah sebab-sebab yang tertentu yang Kerajaan bersetuju menaikkan harga minuman ringan ini yang biasanya orang-orang miskin dan orang-orang biasa dari kalangan rakyat kita selalu minum? Tidakkah Kerajaan memandang sesuai supaya terus menolak permintaan Persatuan Kedai-kedai Kopi ini, oleh sebab kalau dibandingkan baru-baru ini harga berjenis-jenis barang-barang telahpun turun?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kos-kos semua pun telah naik dan harga minuman ringan tidak berubah sejak lima tahun yang lalu dan di peringkat kilang kita cuma memberi persetujuan untuk kenaikan 3 sen satu botol dan ini untuk menghadapi kenaikan kos pengeluaran. Jadi, saya rasa kenaikan harga di peringkat ex-factory ini cuma 3 sen satu botol bukanlah tinggi dan kalau kita tidak mahu membayar 40 sen, kita boleh membeli dari faktori berpeti-peti, cuma \$4.40 sen satu peti yang mengandungi 2 dozen, jadi harga satu botol cuma 21 sen.

## PROJEK PERDAGANGAN ASEAN

**9. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil

perbincangan dengan Wakil Negara-negara ASEAN untuk mengujudkan Projek Perdagangan ASEAN atas dasar usaha-sama dan untuk memberi keutamaan yang lebih terhadap barang dagangan yang masuk ke pasaran di Negara-negara ASEAN.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat adalah tidak begitu jelas dan sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud mengenai perjanjian Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trading Arrangement) yang telah ditandatangani oleh Negara-negara ASEAN pada 24hb Februari, 1977 dan mula dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1978, suka-lah saya memaklumkan iaitu di bawah Perjanjian tersebut, Negara-negara ASEAN ber-setuju untuk bertukar-tukar keistimewaan perdagangan, antaranya dengan menurunkan kadar cukai import masing-masing. Setakat ini kadar cukai import yang diturunkan adalah antara 10%-35%. Di mana kadar itu adalah 0% atau tiada dikenakan cukai import ianya boleh diikat (binding) pada kadar tersebut dan cukai tidak akan dikenakan atau dinaikkan bagi Negara-negara ASEAN untuk tempoh 5 tahun. Di bawah peraturan yang sama, Negara-negara ASEAN mengadakan perundingan perdagangan tiap-tiap tiga bulan sekali bagi merundingkan barang-barang yang akan diberikan layanan istimewa perdagangan.

Untuk mempercepatkan liputan barang-barang yang diberikan keistimewaan perdagangan, Mesyuarat Kelima Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah menetapkan tiap-tiap Negara ASEAN hendaklah menawarkan sekurang-kurangnya 50 jenis barang-barang di setiap perundingan. Walau bagaimanapun, dalam Mesyuarat Keenam berikutnya, jumlah ini telah ditambah kepada 100 jenis barang-barang. Di Mesyuarat Kelapan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada bulan September, 1979 yang baru sahaja tamat, jumlah ini telah ditambah lagi kepada 150 jenis barang-barang bagi tiap-tiap negara ASEAN bagi satu perundingan.

Setakat ini di dalam empat peringkat pelaksanaan keistimewaan perdagangan meliputi sebanyak 2,327 jenis barang-barang telah dikuatkuasakan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang ditanya lain, dijawab lain. Saya bertanya

iaitu menyatakan hasil perbincangan wakil-wakil negara untuk mewujudkan projek perdagangan ASEAN, iaitu macam dahulu ada mesyuarat mengatakan iaitu hendak membuat diesel engine di Singapura, hendak buat baja di sini dengan Indonesia. Jadi ini yang ditanyakan. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini betul tetapi apa hasilnya pada hari ini. Ini yang ditanyakan. Yang saya hendak bertanya lagi sekali, apakah hasilnya yang telah dibuat dan berapa lama, oleh kerana Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah pergi melawat di dunia ini menarik industri supaya datang menanam modal di sini, tetapi dalam ASEAN ini pun telah kita janjikan—belum buat apa-apa lagi. Jadi apa hasilnya pada hari ini.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan asas daripada Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam yang menanyakan apakah di antara negara-negara ASEAN ada mewujudkan perdagangan ASEAN bukan projek perindustrian. Oleh kerana itu sebelum saya jawab saya kata soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu jelas dan saya anggap Yang Berhormat hendak tahu apakah projek perdagangan. Bagi projek perdagangan ialah di bawah projek perdagangan ada Preferential Trading Arrangement. Kalau hendak tahu projek industrial (Joint Industrial Projects) di antara ASEAN dan Projects Industrial Complementation, ini soalan lain. Jika diberi notis, saya boleh memberi satu lagi jawapan yang barangkali panjang juga (*Ketawa*).

#### MAKTAB LATIHAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

**10. Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan maktab latihan polis dan di negeri mana letaknya; dan
- (b) nyatakan tarikh pelatih-pelatih dari berbagai kaum diambil masuk ke maktab-maktab tersebut.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat sebuah Maktab Latihan Polis Di Raja Malaysia yang terletak di Kuala Kubu Bahru, Selangor dan selain daripada itu terdapat sebanyak 9 buah Pusat Latihan Polis

iaitu 2 buah terletak di Wilayah Persekutuan dan tiap-tiap sebuah terletak di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak. Sementara itu terdapat juga sebanyak 16 buah Sekolah Latihan Polis iaitu 9 buah terletak di Wilayah Persekutuan dan 4 buah di Perak, 2 buah di Johor dan satu di Negeri Sarawak.

Berhubung dengan tarikh pengambilan pelatih-pelatih, dalam perkara ini sukalah saya menyatakan pengambilan masuk pelatih-pelatih itu untuk menghadiri kursus di Maktab Latihan Polis, pusat-pusat dan sekolah-sekolah yang tersebut itu dijalankan sepanjang tahun mengikut matlamat dan juga pengambilannya adalah diambil daripada anggota-anggota berbagai-bagai kaum tidak terhad kepada satu-satu kaum sahaja dan pengambilannya juga adalah tertumpu kepada keupayaan latihan.

#### **MINYAK DIESEL—PENGUNAAN BAS**

**11. Puan Rahmah Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan caranya Kerajaan dapat menentukan sama ada syarikat-syarikat bas yang besar yang mana mengikut kiraannya satu bas memerlukan 75,000 gelen minyak diesel sebulan untuk keperluan perjalanan mereka tiap hari, tidak menyimpan minyak diesel yang lebih.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini pendek sahaja.

Soalan Ahli Yang Berhormat itu telahpun saya menjawabnya semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

#### **JEJAMBAT DI KAMPUNG KERINCHI**

**12. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menerangkan bilakah rancangan membuat jambat ataupun jalan di bawah tanah untuk menyeberangi Lebuhraya Persekutuan bagi keselamatan jiwa dan kemudahan penduduk-penduduk Kampung Kerinchi akan dijalankan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Kampung Kerinchi serta kawasan-kawasan yang ber-

hampiran dengannya, apabila hendak menyeberangi Lebuhraya Persekutuan. Untuk mengatasi masalah ini di bawah skim kerjasama memperbaiki Lebuhraya Persekutuan, sebuah jambat (overhead pedestrian bridge) akan dibina berdekatan dengan Kampung Kerinchi untuk kesenangan orang ramai menyeberangi Lebuhraya tersebut. Kerjasama membina jambat ini akan bermula pada awal tahun 1980.

#### **BUMIPUTRA DALAM PELABURAN ASING**

**13. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang dicapai oleh rombongan perdagangan ke luar negeri yang diketuai oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri untuk menarik pelaburan asing ke negara ini dan berapa peratuskah faedah yang diperolehi oleh Bumiputra dalam hal ini.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1978 Yang Berhormat Menteri Perindustrian telah mengetuai 7 buah rombongan galakan pelaburan ke luar negeri. Butir-butirnya adalah seperti berikut:

*Tahun 1978.*

1. Rombongan Galakan Pelaburan ke Eropah (Copenhagen, Birmingham, Paris dan Frankfurt).
2. Rombongan Galakan Pelaburan ke Amerika Syarikat (Houston, Los Angeles, Chicago, New York dan Seattle).
3. Rombongan Galakan Pelaburan ke negeri Jepun (Tokyo dan Osaka).

*Tahun 1979*

1. Rombongan Galakan Pelaburan ke Eropah (Milan, Munich dan Manchester).
2. Rombongan Galakan Pelaburan ke Singapura.
3. Rombongan Galakan Pelaburan ke Hong Kong.
4. Rombongan Galakan Pelaburan ke Switzerland, Sweden dan negeri Belanda.

Setakat ini kejayaan rombongan-rombongan ini ke negara-negara pengeksport modal boleh diukur dari segi jumlah kelulusan projek-projek baru yang berasal dari

negara-negara ini. Sebanyak 60 buah projek-projek baru telah diluluskan sejak lawatan itu ke negara-negara tersebut. Jumlah pelaburan modal yang dicadangkan ialah \$402.34 juta, dan mempunyai potensi untuk mewujudkan 14,331 pekerjaan kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita. Ini tidak termasuk projek-projek yang sedang dikaji dan yang dalam peringkat perancangan.

Berhubung dengan penyertaan pihak Bumiputra di dalam projek-projek ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa sungguhpun kebanyakan daripada projek-projek ini adalah berorientasikan eksport dan boleh juga mempunyai penyertaan asing yang ketara, penyertaan Bumiputra adalah tinggi juga. Dari jumlah modal yang dibayar sebanyak \$156.7 juta, penyertaan ikuiti Bumiputra ialah \$41.8 juta (iaitu 26.7%).

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, adalah menjadi kebiasaan bagi pihak Kerajaan untuk membiayai separuh daripada perbelanjaan bagi 4 orang peniaga Bumiputra untuk tiap-tiap rombongan galakan pelaburan yang telah pergi ke luar negeri.

Sebagai tambahan kepada kejayaan-kejayaan yang telah dinyatakan di atas, saya juga ingin menekankan bahawa ramai daripada peserta-peserta sektor swasta Malaysia yang mengikuti rombongan-rombongan ini telah berjaya mewujudkan kontek-kontek atau perhubungan-perhubungan perniagaan serta perdagangan yang boleh membawa kebaikan dari segi ekonomi ke Malaysia dan juga kepada sektor perniagaan, walaupun dalam jangkamasa yang singkat ianya tidak akan menghasilkan penubuhan kilang-kilang.

#### PELABURAN ASING—KEUTAMAAN

14. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan-tindakan yang telah atau yang akan diambil, selain dari memberi insentif-insentif cukai, untuk meningkatkan lagi pelaburan swasta memandangkan mustahaknya sektor swasta tempatan dalam pertumbuhan ekonomi negara ini dan mengapa keutamaan kelebihan (disproportionate importance) diberi kepada pelaburan asing dan bukan kepada pelaburan tempatan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu iaitu Kerajaan hanya memberi keutamaan yang lebih kepada pelaburan asing dan bukan kepada pelaburan tempatan adalah tidak benar. Mungkin dakwaan ini timbul oleh kerana liputan yang luas telah diberikan kepada rombongan-rombongan pelaburan di luar negeri yang telah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Di sini saya inginlah menyatakan iaitu pelaburan di dalam negeri adalah diberi perhatian oleh Kementerian saya di mana pada dasarnya lebih kurang 70% daripada pelaburan di dalam sektor perkilangan adalah dijangka berpunca dari pelabur-pelabur tempatan dan bakinya iaitu sebanyak 30% dari punca-punca asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan asing adalah digalakkan terutamanya dalam bentuk usahasama dengan pelaburan tempatan bertujuan untuk mendapatkan kepakaran teknik dan hubungan pasaran eksport yang boleh diperolehi melalui penyertaan itu dan yang sangat diperlukan oleh pelabur-pelabur tempatan, oleh yang demikian, sementara Rombongan-rombongan Pelaburan dihantar pergi ke luar negeri untuk mendapatkan pelabur-pelabur asing, seminar-seminar pelaburan telahpun diadakan di Malaysia untuk menggiatkan lagi pelaburan tempatan. Kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan adalah untuk pelabur-pelabur asing dan tempatan tanpa sebarang diskriminasi. Perlu saya jelaskan di sini iaitu pelaburan asing memainkan peranan penting sebagai "catalyst" kepada pelaburan tempatan. Dengan bertambahnya pelaburan asing pelaburan tempatan telah didapati turut bertambah berikutnya kerana wujudnya keyakinan yang lebih ke atas projek-projek yang disertai oleh pelabur-pelabur asing yang lebih matang mengusahakan projek-projek perkilangan berbanding dengan pelabur-pelabur tempatan yang baru sahaja men-ceburi diri di sektor ini. Oleh yang demikian, usaha menggalakkan pelaburan asing itu mestilah jangan disalah-ertikan dan suka-lah saya menegaskan bahawa kepentingan pelaburan tempatan adalah dihargai dan Kerajaan sentiasa menggalakkan pelaburan ke dalam sektor perkilangan yang sama berat dari kedua-dua punca tempatan dan asing.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebagai bantuan kepada pelabur-pelabur terutamanya pelabur-pelabur tempatan, Kementerian saya, melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), telah membuka 7 Pejabat Wilayah iaitu di Alor Setar, Ipoh, Johor Bahru, Kuantan, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching. Melalui pejabat-pejabat tersebut para pelabur tempatan boleh mendapatkan bantuan untuk memilih projek-projek, mendapatkan rakan usahasama dan mengatasi masalah perlaksanaan projek-projek mereka.

Risalah-risalah maklumat juga boleh didapati atas permintaan dari MIDA. Di samping itu, MIDA telah mengadakan seminar-seminar pelaburan dan taklimat-taklimat penerangan dari masa ke semasa untuk memberikan maklumat kepada para pelabur dan sebagai satu usaha untuk menggiatkan lebih banyak pelaburan di dalam sektor perkilangan, Kementerian saya, bersama-sama dengan MIDA, sedang menimbangkan cara-cara untuk melicinkan peraturan-peraturan bagi memberikan kelulusan-kelulusan dan memperbaiki lagi galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan kepada para pelabur baik pelabur luar negeri dan juga pelabur tempatan. Dalam hal ini, untuk menggalakkan pelaburan di dalam sektor perkilangan, Kerajaan telah memperuntukkan bukan sahaja galakan-galakan cukai tetapi juga lain-lain kemudahan termasuk perlindungan tarif dan pengecualian cukai Kastam ke atas bahan-bahan mentah, komponen-komponen dan alat-alat jentera serta infrastruktur asas dalam bentuk estet-estet perindustrian dan zon perdagangan bebas yang dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik yang mencukupi dan perhubungan talipon dan telex.

### **TUNGGAKAN GAJI BAGI PESARA DI SABAH**

**15. Tuan Mohd. Azlan Kinjawan** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pegawai-pegawai yang telah bersara di Sabah mulai 1hb Januari, 1976 belum lagi mendapat tunggakan gaji mereka sehingga sekarang.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa sepanjang yang diketahui pegawai-pegawai tetap sama ada yang berkhidmat

dengan Kerajaan Negeri Sabah atau dengan Kerajaan Persekutuan di Sabah yang bersara mulai 1hb Januari, 1976 dan bersetujui memilih tanggagaji bersih baharu Jawatan-kuasa Kabinet telahpun dibayar tunggakan gaji mereka itu.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai butir-butir yang lengkap mengenai pegawai-pegawai berkenaan yang masih belum diberi tunggakan gaji maka dipintalah supaya Ahli Yang Berhormat memberikan nama-nama mereka kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan supaya perkara pembayaran tunggakan gaji itu dapat diuruskan dengan segera.

### **PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS**

**16. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian akan mengadakan banyak lagi pusat pemulihan wanita di seluruh negara pada masa akan datang kerana kita hanya ada 5 buah pusat seumpama itu sekarang; dan
- (b) bilangan mereka yang berada dalam tiap-tiap pusat itu.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukalah saya menerangkan pada masa ini terdapat 4 buah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di bawah Kementerian saya yang boleh memuat 510 orang penghuni tetapi bilangan penghuni yang tinggal di Pusat-pusat Perlindungan ini sehingga akhir bulan lepas berjumlah 253 orang sahaja. Dengan hal yang demikian Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan Pusat Perlindungan tambahan di Semenanjung Malaysia buat sementara waktu. Namun demikian Kementerian saya akan mendirikan 2 buah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, satu di Kuching, Sarawak bagi menampung 200 orang penghuni dan satu lagi di Kota Kinabalu, Sabah bagi 200 orang penghuni, ini ialah kerana di negeri-negeri tersebut belum lagi mempunyai Pusat Perlindungan seumpama itu.

(b) Sukalah saya menyatakan mengenai bilangan penghuni di tiap-tiap Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis adalah berubah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada serbuan Polis dan juga pembebasan yang dibuat oleh pusat-pusat tersebut. Bilangan penghuni pada akhir bulan lepas ialah berjumlah 253 orang adalah seperti berikut—

(i) Di Batu Gajah ...	88 orang
(ii) Di Cheras ...	44 orang
(iii) Di Rembau ...	101 orang
(iv) Di Kuala Trengganu ...	20 orang
Kesemuanya	—
berjumlah ...	253 orang

#### UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN

**17. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan oleh kerana kejadian menyeludup dadah, motosikal, senjata dan lain-lain, melalui darat atau laut seringkali berlaku di sempadan Malaysia-Thai sama ada Kerajaan bercadang menambah bilangan anggota-anggota unit pencegah penyeludupan dan unit kawalan kampung dan melengkapkan mereka dengan alatan-alatan yang moden.

**Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan bagi menambah bilangan anggota-anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan tindakan sedang diambil bagi menambah seramai lebih kurang 465 anggota lagi iaitu bagi Kedah/Perlis sebanyak 381 dan juga bagi Negeri Kelantan sebanyak 84 iaitu bertambah daripada anggota yang ada sekarang sebanyak 760 orang kepada 1,225 orang jumlahnya akan datang. Anggota-anggota unit ini juga telah dilengkapi dengan alat-alat yang moden seperti rifle MT dan juga kereta-kereta perisai. Sungguhpun demikian Kerajaan sentiasa menimbangkan lagi untuk menambah serta memodenkan lagi unit tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Kawalan Kampung tidak wujud, tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat itu bermaksud

mengenai Unit Kawalan Kawasan (UKK) maka berhubung dengan Unit Kawalan Kawasan ini memanglah Kerajaan ada mempunyai rancangan dan menambah lagi keanggotaan unit tersebut. Tetapi unit UKK ini tidaklah terlibat dengan tugas-tugas mencegah penyeludupan.

#### PERKHIDMATAN KONTENA

**18. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh pengimpot-pengimpot tempatan yang menggunakan perkhidmatan kontena untuk mengimpot barang-barang mereka kerana mereka didenda oleh Syarikat Pengangkutan Kontena, iaitu Kontena National, kerana tidak memungut dan menghantar kontena tersebut dalam tempoh 7 hari dari tarikh sampainya kontena tersebut di Pelabuhan Kelang dan selain daripada itu pengimpot-pengimpot ini juga menghadapi kesulitan untuk mengangkut barang-barang yang lewat diterima dalam kontena ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kontena Nasional tidak mengenakan denda seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya pihak ship-owners yang mengenakan denda ke atas kelewatan pengguna-pengguna kontena yang tidak mengembalikan kontena-kontena dalam tempoh 7 hari. Seperti Yang Berhormat sedia maklum pihak ship-owners adalah juga memiliki kontena-kontena itu. Tujuan mereka mengenakan denda itu adalah bagi mempercepatkan turnover penggunaan kontena-kontena tersebut. Mengenai kesulitan dan kelewatan di dalam pengangkutan kontena Kementerian ini sentiasa berusaha bagi memperbaiki keadaan di Pelabuhan Kelang. Beberapa langkah telah dan sedang diambil bagi memperbaiki perkhidmatan kontena. Lembaga Pelabuhan Kelang telahpun diarahkan menambah lagi kemudahan-kemudahan berkaitan dengan kontena. Lembaga Pelabuhan Kelang sedang mengambil tindakan bagi memperluaskan yard kontena. Bilangan alat-alat kelengkapan seperti federal carrier akan ditambah. Di samping itu pihak Kontena Nasional juga telah diminta menyergerakan pembelian kenderaan supaya cukup

bagi keperluan pengguna-pengguna Kontena Nasional dan Lembaga Pelabuhan Kelang juga telah diminta memperbaiki perkhidmatannya dan keseluruhannya supaya lebih cekap.

### PERUNTUKAN NEGERI-NEGERI

**19. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah sumbangan perbelanjaan pembangunan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Pantai Timur (Kelantan, Trengganu dan Pahang) dan Negeri-negeri di Utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang) bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, termasuk sumbangan-sumbangan berupa pemberian dan pinjaman mengikut tahun-tahun.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah diperuntukkan kepada negeri-negeri yang berkenaan mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak \$9,017.36 juta iaitu sebanyak \$6,170.95 juta diperuntukkan kepada negeri-negeri di Pantai Timur dan sebanyak \$2,846.41 juta kepada negeri-negeri di Utara. Mengenai pemberian jumlah yang diberikan kepada negeri-negeri di Pantai Timur dan Utara mulai daripada tahun 1976 sehingga 1979 ialah sebanyak \$301,151,604. Pecahan mengikut tahun-tahun adalah seperti berikut:

		<i>Pantai Timur</i>	<i>Utara</i>
1976	...	\$ 37,652,707	\$ 35,658,717
1977	...	37,112,819	35,898,837
1978	...	38,831,285	36,915,243
1979	...	40,850,775	38,241,229
Jumlah	...	\$154,437,578	\$146,714,026

Bagi pinjaman pula, jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan (disbursed) bagi negeri-negeri Pantai Timur dan Utara bagi tempoh yang sama ialah sebanyak \$317,170,907 dan pecahannya mengikut tahun-tahun ialah seperti berikut:

		<i>Pantai Timur</i>	<i>Utara</i>
1976	...	\$ 23,017,387.50	\$ 21,399,115.00
1977	...	42,772,114.00	61,643,514.92
1978	...	43,099,691.00	38,857,303.00
1979	...	48,781,817.00	33,599,964.63
Jumlah	...	\$157,671,009.50	\$155,499,897.55

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

### KERAKYATAN DITARIK BALIK

**20. Tuan Haji Abdul Samad bin Said** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan Warganegara yang telah ditarik balik kerakyatannya kerana berpindah ke negara lain.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat ini kurang jelas dari segi tahun yang dikehendaki. Dengan itu saya akan hanya menyatakan bilangan mereka yang telah ditarik balik kerakyatan kerana berpindah ke negara lain bermula dari 1hb Januari 1973 hingga 30hb November 1979. Bilangan tersebut adalah seramai 335 orang.

### KEBUDAYAAN NASIONAL

**21. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah yang telah dapat diusahakan oleh Kementerian dalam membentuk Kebudayaan Nasional dan sekiranya pembentukan Kebudayaan Nasional tidak dapat dilaksanakan apakah tindakan beliau akan ambil.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Pembentukan Kebudayaan Nasional adalah satu proses yang berterusan dan berpanjangan. Bagaimanapun, segala aktiviti dan rancangan Kebudayaan dan Kesenian yang dijalankan oleh Kementerian sendiri atau melalui agensi Kerajaan yang lain atau Badan-badan Kebudayaan dan Kesenian sukarela sentiasa berpandukan kepada Kebudayaan Nasional.

Memandangkan usaha-usaha dan kegiatan yang sedang berjalan, saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa pembentukan Kebudayaan Nasional akan mencapai matlamatnya kelak.

## PENDAFTARAN PENGUNDI

**22. Dato' Dr Wee Khoo Hock** minta Perdana Menteri dalam pendaftaran pengundi yang telah dijalankan selama 42 hari menyatakan:

- (a) jumlah pengundi baru seluruh Semenanjung Malaysia yang telah didaftarkan dalam masa itu; dan
- (b) bilangan pengundi itu mengikut kaum bagi tiap-tiap Negeri dalam Semenanjung Malaysia sahaja.

**Dato' Pengiran Othman bin Pengiran Rauf:** Bagi soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihanraya masih belum lagi dapat memberikan jumlah sebenar pemilih yang telah memohon untuk menjadi pengundi kerana ianya masih lagi di dalam peringkat memproses.

Bagi (b) pula, Suruhanjaya Pilihanraya sememangnya tidak mengumpulkan pecahan-pecahan pengundi mengikut kaum kerana apa yang mustahak kepada Suruhanjaya tersebut ialah pengundi yang berkelayakan sahaja dan bukannya pemilih mengikut kaum.

## AIR—KEKURANGAN DI KUALA LUMPUR

**23. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang beliau telah ambil untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan Kuala Lumpur.

**Dato' S. Samy Vellu:** Jawapan kepada soalan-soalan yang sama telah diberikan di dalam Dewan ini pada masa-masa yang lepas. Oleh itu, saya tidak bercadang hendak mengulangi dengan panjang lebar jawapan-jawapan yang telah diberikan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat itu langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang memang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air di dalam kawasan Kuala Lumpur. Langkah jangka pendek yang dimaksudkan ialah dengan menambah pam-pam di Loji Pembersihan Air Sungai Langat bagi menambah bekalan air dari 50 juta kepada 60 juta gelen sehari. Ini telah pun

dilaksanakan. Rancangan jangka panjang pula ialah meninggikan keupayaan Loji Pembersih Air Sungai Langat dari 42.5 juta gelen sehari kepada 85 juta gelen sehari. Rancangan ini dijangka siap tahun hadapan. Selain dari itu, satu firma Jurutera Perunding telah dilantik untuk mengenalpastikan punca-punca air yang sesuai bagi memenuhi keperluan air di Kuala Lumpur sehingga tahun 1995.

## BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH-MAHKAMAH

**24. Tuan Haji Mohd. Amin Haji Yaakub** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Bahasa Kebangsaan Malaysia masih tidak diamalkan sepenuhnya lagi, terutamanya di Mahkamah-mahkamah Tinggi di Negara ini walaupun kita telah merdeka hampir suku abad dan adanya fakulti undang-undang di universiti negara kita dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mencipta istilah-istilah dalam bahasa kita sendiri dan bilakah bahasa Malaysia akan dapat mengambil tempat bahasa Inggeris di Mahkamah-mahkamah dan Perundangan Negara ini.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Ada beberapa sebab mengapa Bahasa Kebangsaan masih belum diamalkan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah kita.

Pertama, menurut undang-undang dan sistem perundangan kita, saksi-saksi atau orang yang dituduh dibenar menggunakan bahasa yang ia faham sepenuhnya. Peruntukan seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1967, yang menetapkan Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris sebagai bahasa perbicaraan mahkamah, mengecualikan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi. Ini adalah wajar oleh kerana, jika saksi itu dipaksa menggunakan Bahasa Kebangsaan (atau apa jua bahasa lain) dan dia tidak fasih dalam bahasa itu, maka sudah tentu keterangan yang diberinya tidak akan jelas dan tepat dan ini akan menjejaskan pencapaian keadilan dalam perbicaraan itu.

Kedua ialah masalah besar yang dihadapi dalam menterjemahkan bahasa undang-undang (legal language). Apabila sesuatu terjemahan dibuat dari bahasa Inggeris dan ianya tidak menepati maksudnya, maka perbicaraan itu dianggap tidak adil dan tidak

sah. Begitu juga bahan undang-undang dan segala punca undang-undang (sources of law) dan asal usulnya bertulis dalam bahasa Inggeris. Adalah sukar dan rumit untuk digantikan walaupun dalam masa yang panjang kerana perkara-perkara ini dijadikan "precedent". Mengenai bahan undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan, yang ada hanyalah semata-mata undang-undang mengenai kuasa Kerajaan. Tetapi undang-undang yang besar yang ada kaitannya dengan hak-hak rakyat masih lagi dalam bahasa Inggeris. Begitu juga dengan "commentaries" bagi undang-undang itu. Ini tidak dapat diterjemahkan.

Ketiga, tidak ada buku undang-undang yang ditulis dalam bahasa kebangsaan melainkan satu dua yang kecil-kecil. Yang demikian, kita memerlukan ramai peguam-peguam yang mempunyai minat mengarang buku undang-undang dalam bahasa kebangsaan. Karangan dalam bahasa Inggeris pun sukar didapati oleh peguam-peguam kita. Ini disebabkan mungkin kebanyakan peguam tempatan menumpukan masa mereka dalam bidang guaman masing-masing daripada menerbitkan buku-buku undang-undang.

Namun demikian, beberapa langkah tertentu telah diambil untuk menentukan penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah. Antaranya, sejak tahun 1968 semua undang-undang dibuat dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dan hampir kesemuanya naskah bahasa kebangsaan undang-undang itu dijadikan naskah sah (authoritative text).

Di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya pula penuntut-penuntut adalah dikehendaki menguasai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dan bagi tahun akademik 1978/79 ini semua kuliah dijalankan dalam bahasa kebangsaan. Kita sama-sama berharap apabila siswazah-siswazah ini lulus kelak mereka akan sama-sama berikhtiar mengembangkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam profesyen mereka.

Dari segi pentadbiran pula, Jabatan Kehakiman sejak 1970 telah mengeluarkan arahan kepada Yang Dipertua Mahkamah Sesyen dan Magistret Mahkamah Rendah supaya mereka menggunakan bahasa kebangsaan dalam tiap-tiap perbicaraan mahkamah masing-masing setakat mana yang dapat tanpa mengganggu perjalanan perbicaraan itu. Arahan ini sudahpun dipatuhi.

Kerajaan akan terus berikhtiar ke arah ini tetapi saya tidaklah dapat menentukan bilakah bahasa kebangsaan dapat mengambil tempat bahasa Inggeris sepenuhnya di mahkamah-mahkamah kita. Sebagaimana saya nyatakan dalam Dewan Rakyat pada 26hb November, penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah perlulah dilakukan secara beransur-ansur. Dalam bidang perundangan pula, tiap-tiap undang-undang baru yang dibuat sekarang adalah menggunakan bahasa kebangsaan, dan naskah bahasa kebangsaan ialah naskah sah, tetapi naskah Inggeris diadakan juga menurut kehendak Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

### PENDATANG HARAM VIETNAM

**25. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada negara-negara yang telah berjanji untuk mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara mereka masih tinggal janji mereka sahaja sekiranya ada negara-negara yang berbuat demikian apakah pendapat dan pandangan yang telah diberikan kepada mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Setakat ini pengambilan oleh negara-negara ketiga ke atas pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini berjalan dengan baik dan sehingga hari ini sejumlah 86,880 orang telah dipindahkan. Pihak kita juga sentiasa berusaha meminta negara-negara ketiga mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada di negara ini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, baki pendatang haram yang masih ada di negara ini sekarang ialah 33,472 orang.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam ini.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam ini.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang."

3.40 ptg.

**Dr Choo Kooi Fook:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam. Sungguhpun negara kita teguh dan kuat tetapi kita tidak boleh terlalu berpuas-hati, maknanya there should be no complacency.

Kejayaan kita dalam bidang ekonomi disebabkan oleh dua faktor seperti berikut:

- (1) Bahawa hasil-hasil dan bahan-bahan utama kita telah menikmati harga-harga yang tinggi.
- (2) Bahawa kita mampu mengadakan political stability di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang sederhana dan bijaksana.

Dalam tempoh yang baik dan bahagia ini kita patut mengambil kesempatan ini supaya memperkuatkan lagi diri sendiri. Walau bagaimanapun, kita masih menghadapi kelemahan-kelemahan dalam bidang-bidang tertentu di mana kita masih belum mencapai kepuasan. Kita mesti mempunyai keberanian dan keazaman jika kita ingin mengatasi kelemahan-kelemahan ini. Kita mesti terus menerus mengekalkan pimpinan politik yang stabil itu dan mempunyai keazaman politik supaya memimpin rakyat jelata kita.

Dalam sebuah negara berbilang kaum dengan berlainan sosio-ekonomi dan perbezaan kebudayaan itu, tugas-tugas kita

mengalami kesukaran berkali ganda. Walau bagaimanapun, kita mesti tidak boleh digagalkan oleh sebab-sebab ini dan gagal memberi pimpinan yang sangat-sangat diperlukan. Sebaliknya kita mesti memimpin dan menunjukkan jalan yang patut mereka mengikut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin memberi sedikit komen atas perkara-perkara seperti berikut:

### *Kemiskinan*

Bila Kerajaan menumpukan usaha-usaha dengan sedaya upaya untuk mengatasi kemiskinan dan telah mencapai kejayaan dengan besarnya tetapi banyak kerja masih patut diteruskan agar memodenkan kehidupan luar bandar dan menambahkan hasil-hasil pekebun-pekebun kecil.

Taraf kehidupan mesti dipertingkatkan supaya meningkatkan hasil-hasil rakyat jelata dan membekalkan lebih banyak peluang kepada belia luar bandar agar membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih menasabah dalam pembangunan nasional kita. Patutlah mengadakan sistem pasaran yang lebih baik bagi petani-petani dan nelayan-nelayan supaya mereka dapat menikmati buah-buahan dari kerja titik-peluh mereka dan melalui usaha-usaha itu maka taraf kehidupan mereka akan ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengemukakan satu contoh, umpamanya durian. Petani-petani itu hanya dapat lebih kurang \$1.50 sebuah, apabila buah itu sampai ke pasar, pengguna terpaksa membeli buah itu dengan harga \$3.00 ataupun \$4.00. Maka orang tengah eksploitasikan petani-petani itu. Kerajaan mestilah mengkaji dengan mendalam, untuk mencari jalan mengatasi perkara ini. Lebih baik kalau pengguna bayar \$4.00; \$4.00 itu diberi kepada pihak petani-petani. Ini adalah satu langkah yang baik untuk menggalakkan petani-petani terus menanam dan bekerja lebih kuat lagi, untuk mengeluarkan lebih bahan-bahan supaya mengatasi inflasi hari ini.

Muncullah keperluan membuat sesuatu kajian lebih mendalam supaya membolehkan petani-petani itu menjalankan pertanian mereka secara besar-besaran seperti

menjalankan skim-skim perusahaan pertanian, yang telah dicadangkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu.

### *Pelajaran*

Adalah dipersetujui dengan amnya bahawa taraf bahasa Inggeris mesti ditinggikan. Dan oleh sebab ini Kementerian Pelajaran baru-baru ini telah mengambil masuk seramai 200 orang guru-guru bahasa Inggeris dari United Kingdom. Saya menyokong tindakan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tetapi saya yakin Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu akan bersetuju dengan saya bahawa bilangan 200 orang guru-guru bahasa Inggeris itu hanya akan dinikmati oleh sebilangan kecil daripada jumlah pelajar-pelajar kita. Saya merasa tidak berapa adil kita hanya menjaga sejumlah kecil pelajar-pelajar dan majoritinya ditinggalkan. Kita patut memberi jagaan kepada semua dan mempunyai bilangan guru-guru secukup-cukupnya.

Saya sedar tugas ini akan mengambil masa yang panjang. Di samping itu, sebagai langkah sementara saya bercadang bahawa Yang Berhormat Menteri itu mungkin dapat menimbangkan untuk mengambil semula guru-guru yang telah bersara secara guru-guru sambilan dengan gajinya agak \$15.00 sejam ataupun lebih kalau Kementerian itu mampu dan tiap-tiap guru itu diberi 3 hari dalam seminggu dengan jumlah 10 jam. Jika begitu, seorang guru bahasa yang telah bersara jika menerima kerja ini akan dapat lebih kurang \$600 sebulan. Sungguhpun wang ini bukan banyak tetapi bagi pihak yang bersara memang kalau dia tidak mempunyai apa-apa pekerjaan, wang ini sebagai wang saku adalah banyak gunanya.

Dengan pengalaman mereka dalam mengajar bahasa Inggeris secara bahasa pertama dahulu, saya yakin mereka akan merasa kesenangan mengajar bahasa Inggeris sekarang secara bahasa kedua. Dengan cara ini Kerajaan akan menjimatkan banyak wang dan juga membekalkan lebih banyak peluang bagi pelajar-pelajar kita untuk belajar bahasa Inggeris. Sekiranya kita ingin meningkatkan taraf bahasa Inggeris biarlah kita semua beri perhatian sepenuhnya kepada hal ini. Janganlah kita hanya meningkatkan taraf bahasa Inggeris sebilangan kecil sahaja. Kita patut meliputi semua pelajar-pelajar kita.

Dalam menyokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Hussein Onn, tidak lama dahulu, tidaklah sekelompok daripada rakyat jelata kita patut dikembangkan secara berasing-asing, (*dengan izin*) "No single community of our multi-racial people should be allowed to develop separately."

Di samping ini, saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran membuka pintu asrama penuh dalam negara kita kepada lebih banyak pelajar-pelajar yang bukan Melayu supaya mendidik dan menanam semangat toleransi dan saling bersefahaman dan juga dapat mendidik mereka menghormati ciri-ciri kehidupan, kebudayaan dan agama yang berlainan antara belia-belia kita.

Kita tidak dapat menafikan satu hakikat iaitu masyarakat esok diwujudkan dalam sekolah-sekolah hari ini. Oleh yang demikian, sebarang pemencilan dan pemisahan dalam sekolah-sekolah adalah bertentangan dengan tujuan kita untuk memperkuatkan perpaduan negara kita. Kita tidak dapat hanya bercakap perpaduan dengan mulut. Kita mesti berani mengambil tindakan supaya perpaduan dapat diwujudkan ber-sungguh-sungguh. Saya percaya ini akan kita jalankan jika kita ada keazaman dan keberanian. Tuan Yang di-Pertua, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

### *Perumahan*

Pada amnya sungguhpun kemajuan telah kita capai dalam ertikata matlamat yang pertama dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi kekurangan rumah-rumah murah masih dirasai dengan teruknya oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Kehendak-kehendak mempunyai rumah semakin besar. Oleh sebab yang demikian muncullah spekulasi rumah yang tidak sihat itu.

Kita sedar bahawa rumah-rumah telah dipesan sangat lama terlebih dahulu sebelum pemaju-pemaju itu menyiarkan iklan-iklan penjualan itu. Adalah bukti menunjukkan bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri tidak membina rumah-rumah murah dengan cukup cepat supaya menghadapi kehendak-kehendak itu. Sebab-sebab yang diberi oleh mereka ialah kekurangan kakitangan dan sebagainya, kesukaran mendapatkan tanah yang sesuai.

Sebenarnya tanah yang sesuai bukan tidak ada. Negara kita bukan seperti Hong Kong atau Singapore. Soalan ini adalah tertanggung dengan pihak-pihak berkuasa umpamanya JKR, Telekom, LLN, DID dan semua. Dan kelambatan-kelambatan membekalkan kemudahan-kemudahan yang perlu. Ini adalah sebab-sebab. Tetapi sebab-sebab ini adalah perbuatan manusia.

Pada pendapat saya, jika kita sungguh-sungguh hendak menolong rakyat jelata yang miskin yang berkehendakkan rumah itu dapatlah kita mengatasi segala masalah-masalah ini. Biarlah kita arah bahawa kerumitan ini dapat diatasi secepat mungkin dan yang termustahaknya ialah menghapuskan red tape.

Sebagai satu langkah berkesan untuk mencegah spekulasi rumah dan mengatasi masalah perumahan nasional, saya ingin membuat cadangan-cadangan seperti berikut:

- (i) Bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri patut mempercepatkan pembinaan rumah-rumah murah. Perbadanan-perbadanan harus mengambil tindakan keras supaya menjamin bahawa rumah-rumah murah itu dibahagikan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukan sebuah rumah. Tindakan keras adalah sangat perlu supaya menjamin bahawa rumah-rumah murah tidaklah diberi kepada pemohon-pemohon yang berpendapatan baik atau mereka yang telah mempunyai rumah sendiri.
- (2) Skim menolong diri supaya mempunyai rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya bercakap tadi adalah perlunya menghapuskan red tape supaya menyenangkan penyusunan semula kampung-kampung tradisi dan kampung-kampung baru agar dijadikan pekan-pekan kecil dan moden dengan pelan-pelan yang sesuai dan mengandungi jalan, elektrik dan air dan modern sewerage system. Kemudahan-kemudahan ini patut dibekalkan oleh kuasa-kuasa negeri. Penduduk diberi sekeping tanah bagi membina rumah sendiri. Mereka dikehendaki membina rumah itu dalam tempoh yang dihadkan dan mesti mengikut pelan yang direka oleh Yunit Perancang Bandar.

Berkenaan dengan soalan ini, saya ingin mengemukakan satu Rancangan Pembinaan Semula tiga kampung, iaitu Kampung Stesyen, Kampung Hailam dan Kampung Tanah Hitam di Kampung Batu kawasan Kepong di utara Wilayah Persekutuan. Rancangan itu telah dihantar kepada pihak berkenaan lengkap dengan pelan-pelan dan lot-lot rumah itu bagi pihak-pihak yang berkenaan. Sebagai sahabat saya Datuk Haji Ibrahim Yaacob semalam berkata, kami berdua turut serta dalam ikhtiar ini tetapi malangnya setakat ini kami masih menunggu jawapan dari pihak-pihak yang berkenaan.

#### *Surat Hakmilik Penduduk-penduduk di kawasan Jinjang*

Surat Hakmilik penduduk-penduduk di kawasan Jinjang masih belum dikeluarkan sungguhpun sudah melebihi 20 tahun mereka tinggal di situ. Pihak berkenaan apabila dihubungi telah memberi sebab-sebab bahawa kelewatan itu disebabkan oleh (i) fail permohonan yang telah hilang dan (ii) pejabat yang berkenaan tidak ada cukup kakitangan. Yang saya ingin tahu dengan Operasi Isi Penuh, bolehkah backlog kerja-kerja ini dapat diatasi? Penduduk-penduduk Jinjang meminta pertolongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Wilayah Persekutuan supaya dapat menolong mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin.

Apabila kita terima sebab-sebab tidak dikeluarkan surat tersebut maka dikatakan kekurangan kakitangan. Sebenarnya pejabat-pejabat Kerajaan tidak kekurangan kakitangan tetapi menjadi soal di pejabat-pejabat ini ialah kekurangan organisasi dan disiplin. Inilah yang menjadi masalah sebenarnya. Inilah yang menyebabkan soalan-soalan, isu-isu yang tidak dapat diatasi.

Dengan cara skim menolong diri sendiri adalah kemungkinan dapat mencegah inflasi harga rumah-rumah dan, di samping itu, sebagai satu cara yang berkesan mengatasi masalah perumahan nasional. Skim menolong diri sendiri ialah satu cara praktikal supaya membolehkan golongan-golongan berpendapatan rendah mempunyai rumah-rumah sendiri.

Oleh yang demikian, saya menyeru Kementerian itu memberi pertimbangan serius terhadap skim ini. Dalam Malaysia

hari ini untuk mencapai kemajuan dan perkembangan selanjutnya adalah perlu bagi rakyat jelata kita berselarasan dan mengadakan usaha-usaha bersama untuk mencapai matlamat itu. Pada masa ini Rancangan Malaysia Keempat sedang dalam fikiran dan persediaan. Saya berharap bahawa dari pengalaman yang didapati dalam pelaksanaan rancangan-rancangan Malaysia dahulu, Rancangan Malaysia Keempat akan mengatasi segala kelemahan-kelemahan dahulu dan menjamin bahawa faedah-faedah dinikmati oleh semua rakyat kita yang berbilang kaum. Yang paling mustahak bagi negara kita menghadapi tahun lapan puluhan ialah agensi-agensi dan perkhidmatan-perkhidmatan awam janganlah sekali-kali menyeleweng dari dasar Kerajaan kita yang adil.

Akhirnya, saya menyokong dengan sepenuhnya apa yang didesak oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya bersama-sama menyokong dan bersatu-padu dengan Kerajaan dalam satu tujuan untuk kemakmuran negara kita dan janganlah melibatkan dalam emosi yang boleh merosakkan negara kita tanpa berguna untuk siapa rakyat Malaysia. Saya yakin bahawa dengan bekerjasama semua pihak dan semua kaum, kita akan terus membina sebuah negara yang bersatu dan yang berdisiplin untuk generasi yang akan datang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kerana diberi peluang membuat ucapan saya yang pertama di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah.

4.03 ptg.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini bercakap sedikit di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, Menteri Kewangan.

Saya menyokong penuh Belanjawan 1980. Belanjawan pada kali inilah yang disokong oleh segala lapisan. Pada pokoknya, Belanjawan yang dibentang ini adalah dibentuk

dengan strategi bagi menghadapi dan mengatasi arah aliran kemerosotan yang berpunca daripada perkembangan antarabangsa; mengawal inflasi dan menentukan supaya Dasar Ekonomi Baru dicapai.

Pada keseluruhannya strategi ini patutlah diberi penghargaan. Bagaimanapun jika kita mengkaji dengan mendalam mengenai perkembangan-perkembangan eksport Malaysia di tahun-tahun kebelakangan ini, kita dapati bahawa eksport-eksport kita pada amnya telahpun memperolehi kejayaan yang begitu baik. Perkara ini benar, bagi eksport barang-barang utama dan juga eksport barang-barang perkilangan. Arah aliran pertumbuhan eksport yang sihat ini telahpun berlaku dari tahun ke setahun walaupun pernah terdapat kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri yang maju. Oleh yang demikian, Belanjawan ini hendaklah sentiasa berwaspada dan berhati-hati berkenaan dengan objektif untuk menghadapi dan mengatasi arah aliran kemerosotan daripada berlakunya tindakan-tindakan yang keterlaluan.

Bahaya di sini ialah inflasi yang sedang berlaku di negeri ini boleh jadi bertambah buruk lagi dan menjadi serius dari sebab tindakan-tindakan yang bermaksud untuk mengatasi kemerosotan ekonomi sedangkan dalam keadaan yang sebenarnya langkah demikian tidaklah diperlukan dalam keadaan di mana eksport telahpun berkembang dan sentiasa berkembang dengan baik. Walaupun masalah inflasi telahpun disebut di banyak tempat, di dalam Belanjawan ini, namun begitu langkah-langkah yang dinyatakan tidak mendedahkan kesihatan bagi perjalanan ekonomi. Walaupun kadar ini agak lebih baik berbanding dengan apa yang dialami oleh beberapa negeri lain tetapi di Malaysia ini kita tidak dapat terus menanggung kos yang akan dibebankan ke atas ekonomi.

Inflasi akan melibatkan perbezaan punca-punca keluaran di dalam industri-industri dalam ertikata menyorokkan dan melambatkan penyelesaian satu-satu projek dan juga boleh menggalakkan orang-orang bergiat di dalam aktiviti spekulasi berbanding dengan membuat kerja-kerja yang benar-benar produktif. Contohnya ialah menyorok barang-barang di mana tujuannya adalah

untuk menjual semula apabila harga barang-barang itu naik. Bagi Kerajaan pula inflasi akan melibatkan beban dari segi tambahan kos kepada projek-projek termasuk juga belanjawan sara hidup kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan sendiri. Apabila kos sara hidup tidak naik, kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan mungkin meminta gaji yang lebih dan ini akan membebankan Kerajaan dan orang ramai juga akhirnya. Oleh yang demikian, Belanjawan ini sepatutnya hendaklah bertujuan untuk mencapai satu kadar inflasi yang lebih rendah lagi iaitu satu kadar yang tidak melebihi kalau dapat 1% setahun. Saya percaya ini boleh dilakukan jika kadar pertumbuhan penawaran wang dikawal dengan tujuan supaya ianya berkembang dengan kadar yang tidak melebihi 10% setahun. Inilah sebabnya satu target ataupun matlamat yang tidak dapat di dalam Belanjawan ini. Kadar pertumbuhan penawaran wang sebanyak 17.9% setahun pada akhir Jun 1979 sebenarnya adalah terlalu tinggi bagi ekonomi Malaysia walaupun setelah mengambil perhatian mengenai pertumbuhan sektor-sektor yang menggunakan wang dalam ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menambah sedikit lagi ucapan saya. Kita memang bersyukur, yang di Malaysia ini inflasi kita tidak lebih daripada 5%. Ini melegakan juga rakyat sebab di negara-negara lain ada lebih daripada kita. Tujuan besar strategi Belanjawan Kerajaan dalam muka surat 81 ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ada menyebut: "Ini adalah mustahak untuk memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru."

Mengikut kata Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh langkah untuk mengatasi inflasi itu ialah menambahkan bekalan makanan, menanam lebih banyak lagi sayur dan juga padi. Saya cuma mengambil bahagian di sini, suka bercakap siapa sekarang ini yang suka hendak menanam padi? Ini masalah yang ada di hadapan negeri kita sekarang, tak usahkan tanam padi, kalau di Sabah orang hendak menoreh getah pun sudah tidak ada. Terutama sekali baharu-baharu ini di Negeri Johor. Kerajaan Johor terpaksa pergi ke Perlis, ke Kedah mencari orang-orang di sana supaya dapat menanam padi dalam skim yang diadakan

oleh Kerajaan Negeri Johor. Ini menunjukkan sudah sampai masanya pihak Kerajaan memikirkan patut penanaman padi ini ditanam dengan secara estet, itu lebih baik pada pendapat saya, supaya Kerajaan kaji daripada sekarang.

Dalam muka surat 85 ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh ada menyebutkan menyimpan buah-buahan, diadakan peti-peti sejuk. Ini langkah yang sangat baik dibuat oleh Kerajaan. Saya cuma mengambil sebahagian daripada tujuan ini, dalam tahun lepas pihak negeri China sangat hendak menjual buah-buahannya ke-Malaysia ini terus ke Pelabuhan Kelang dengan tidak payah melalui Singapura lagi tetapi kita tidak ada peti sejuk hendak menyimpannya, dengan sebab itu kita mesti melalui Singapura. Ini saya berharap pihak Kerajaan dapat menimbangkan dengan seberapa segera dapat dibuat terutama sekali di Pelabuhan Kelang terlebih dahulu kerana buah-buahan itu akan dihantarkan ke Pelabuhan Kelang ini.

Dalam muka surat 85 ada menyebutkan tentang kegiatan sorok. Ini satu perbuatan yang tidak baik sekali. Saya pun hairan pihak Kerajaan bersetuju menaikkan harga minyak diesel, simen, besi dan sebagainya tetapi sampai pada hari ini perkara ini masih berlaku, berbatu-batu lori, motokar yang menggunakan diesel menunggu hendak mendapatkan minyak, pihak Kerajaan kata cukup minyak. Kalau sudah cukup minyak macam mana kereta berbatu-batu menunggu, lori berbatu-batu menunggu, berjam-jam menunggu? Kemudian Yang Berhormat Menteri kita menjawab hampir satu jam, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri itupun kita tidak faham. Kita tanya lain, dia jawab lain. Masalah orang ramai sekarang ialah dia mahu ada minyak, senang dapat. Itu sahaja, tidak payahlah menjawab panjang-panjang, adakan itu cukup.

Satu lagi perkara yang saya suka bercakap di sini, ada dalam muka surat 87 hingga 88 ucapan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh mengenai skim galakan cukai di bawah Dasar Ekonomi Baru. Ini sangat baik, sangat-sangat menggalakkan dan menguntungkan syarikat-syarikat bukan bumiputra jika sekiranya syarikat-syarikat itu bersetuju menjual sahamnya 30% kepada

bumiputra. 'Jual', Tuan Yang di-Pertua. Saya gunakan perkataan 'jual' bukan beri percuma. Ini satu perkara yang berlaku yang dibawa oleh orang-orang Malaysia sendiri masa saya mengetuai rombongan Dewan Perniagaan Melayu ke Tokyo, ke Korea dan juga ke Hongkong. Orang-orang di sana memikirkan satu daripada tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah 30% itu hadiah percuma kepada bumiputra. Orang Malaysia yang memberitahu dan ini tidak baik. Saya ingat orang-orang bumiputra bukan hendak minta sedekah macam ini. Cara ikhlas kita masuk, kita masuk dengan wang ringgit kita dan mengambil bahagian yang aktif dalam syarikat-syarikat itu.

Langkah yang Kerajaan buat sekarang ini saya ingat yang paling baik, belum ada Kerajaan dalam dunia buat semacam ini. Dan beri insentif 5%. 5% ini sangat besar, bukan merugikan syarikat itu bahkan menguntungkan syarikat itu lagi. Dalam masa tiga tahun Kerajaan memberikan ini, saya ingat kalau syarikat-syarikat yang berkenaan tidak mengambil peluang ini akan mendatangkan kerugian kepada syarikat itu. Bukan setakat kerugian kepada syarikat itu, di sinilah kita hendak melihat kejujuran rakyat negeri ini terhadap sesama rakyat dalam negeri ini. Ini juga ada tercatat dalam muka 88 (c) dan (d), adalah menggalakkan dan menguntungkan bumiputra sendiri. Jadi, bukan sahaja belanjawan yang dibentangkan ini menguntungkan sebagaimana saya sebutkan tadi bukan bumiputra bahkan bumiputra juga dapat faedah daripada apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh. Ini sangat-sangat besar dan baik kepada kita semua dan sangat-sangat menggalakkan.

Saya hendak bercakap dalam ucapan ini, muka surat 90 Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh ada mengaitkan FELDA, ada 1.2 juta ekar sekarang. rancangan ini sangat baik dan mengikut dasarnya 110,000 ekar akan dibuka dalam setahun dan \$489 juta telah diuntukkan bagi tahun 1980. Di antara projek-projek yang dibuat oleh Kerajaan salah satu yang baik sekali ialah FELDA kerana dapat menempatkan orang-orang yang tidak ada mempunyai tanah dan memindahkan orang-orang daripada satu tempat ke satu tempat. Saya berharap Kerajaan akan besarkan lagi

projek ini dan tambahkan lagi wang, bukan itu sahaja lebihkan pula rancangan belia dalam rancangan ini. Biar belia-belia yang belum ada mempunyai isteri dan juga wanita-wanita yang belum bersuami masuk ke dalam rancangan ini dibubuh secara berlainan jangan disamakan nanti dia berperang pula. Sesudah ada kemajuan dalam rancangan ini kalau mereka hendak bersatu, bersatulah; sudah jadi 20 ekar lagi baik. Ini harapan saya dan saya bersetuju sangat. Saya berharap di tiap-tiap rancangan ini diadakan pekannya sekali, diadakan bandar kecil sekali. Dalam bandar ini orang dalam rancangan ini sahaja yang dibenarkan berniaga.

Tujuan saya biarkanlah orang yang sudah mewah sedikit itu tidak lari ke bandar-bandar besar, biar dia sentiasa dapat duduk dalam rancangan ini. Ini tujuan saya dan jangan dibenarkan pula orang luar datang berniaga di sana. Orang-orang itu pun nanti akan membolot kekayaan dalam rancangan itu, biarlah dia sesama dia menubuhkan koperatif dan sebagainya.

Dalam muka surat 90, saya suka bercakap mengenai perkara lapanganterbang. Berkali-kali pihak Kerajaan, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan lapanganterbang hendak dibesarkan, hendak dielokkan dan hendak dibaiki tetapi betulkan lapanganterbang di Kuala Lumpur ini dahulu. Ini sangat-sangat memalukan terutama sekali masa kita datang—balik, orang daripada luar negeri pun masuk saluran itu juga, orang dalam negeri pun masuk dalam saluran itu juga.

Kita sampai ke sana pun, kita dalam negeri, walaupun kita dari kelantan, ditanya ada pasportkah, sebab tidak boleh salahkan Imigresen. Saya tidak menyalahkan Imigresen dan Kastam, kerana dia masuk satu saluran, luar negeri di situ juga, dalam negeri pun di situ juga. Masalah ini patut diatasi. Kemudian ditanya kita mana pasport, mana pula kita bawa pasport, kita daripada Kelantan, Trengganu, Pahang. Kemudian beg kita ada di sana, adakah barang bercukai di dalam, apa ada dari Kelantan kita bawa, budu dan sebagainya, apa ada cukai. Ini masalahnya patut pihak Menteri yang berkenaan dapat atasi lapanganterbang ini.

Lagi satu perkara ialah perjalanan kita hendak naik kapalterbang itu pada hal kapalterbang kita ini bukannya banyak kapalterbang di Lapangan Terbang Subang itu, makin ditaruh jauh-jauh. Kita turun tangga umur sudah 60 tahun lebih, sudah tua, bukan main jauh hendak berjalan. Gunakanlah kepala sedikit, taruhlah dekat dengan pintu itu sedikit apa salahnya, bukan kapalterbang ini Concorde, kita naik Fokker Friendship, naik Boeing 737 yang kecil itu, ditaruhnya jauh-jauh dengan tak ada dibawa dengan bas dan sebagainya, kalau hujan, hujanlah engkau, dia tidak peduli langsung. Ini patutlah benar pihak yang berkenaan supaya dapat mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menunggu beg kalau kita dari Pulau Pinang, kalau kita naik kapalterbang pergi ke Pulau Pinang lagi balik beg itu belum sampai lagi. Ini masalahnya patut sangat-sangat diatasi lapanganterbang di Kuala Lumpur ini.

Satu perkara lagi saya suka bercakap di sini ialah mengenai dasar kewangan sebagaimana kata Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dalam muka surat 91. Saya nampak berkali-kali Menteri-menteri dan juga Gabenor Bank Negara dan sebagainya mengarahkan bank-bank ini supaya mematuhi arahan-arahan daripada Bank Negara dan daripada Kerajaan, nampaknya banyak yang degil, saya ingat pihak Kerajaan patutlah mengambil tindakan yang tegas dalam perkara ini. Yang teruk sekali ialah bumiputra, jadi terpaksa kita tuju kepada satu bank sahaja, kepada Bank Bumiputra yang dapat melayan kita lebih sedikit daripada bank-bank lain tetapi inipun saya ingat tak mencukupi Bank Bumiputra ini. Saya berharap kepada pihak Kerajaan dapat membenarkan bumiputra ini membuka sekurang-kurangnya 3 bank baru lagi, bukan Bank Bumiputra, yang ada itu bagus sudah berjalan, dibenarkanlah sekurang-kurangnya 3 bank baru lagi dengan dibiayai modalnya oleh bumiputra sendiri dengan tidak payah ditanggung oleh Kerajaan. Ini pada pendapat saya supaya dapat sekurang-kurangnya mengatasi masalah yang ada sekarang.

Satu perkara yang saya hendak cakapkan di sini ialah galakan cukai dalam muka surat 96. Ini sangat-sangat baik, bukan sahaja sebagaimana saya katakan tadi kepada bumiputra bahkan kepada bukan bumiputra. Yang saya musykil sangat pada hari semalam

dan kelmarin ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam perkara perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya buat soalan tambahan minta apa dasar Kerajaan Tempatan yang macam mana dikatakan rumah mahal, macam mana rumah sederhana dan macam mana rumah murah, siapa yang layak, kelayakan memohon rumah-rumah yang tersebut. Menteri sampai balik tak jawab, lain dijawab, saya tak fikir dia tak faham cakap saya. Saya berharap benar Kerajaan menentukan dasar perumahan ini, yang macam mana dikatakan rumah murah dan orang yang macam mana boleh dapat rumah murah ini. Yang saya tahu sekarang ini kita cakap sahaja yang ada 30% diperuntukkan kepada bumiputra tetapi kebanyakan negeri tidak ada syarat, yang saya tahu ada syarat ini dalam Negeri Johor sahaja. Dalam Negeri Johor kalau dia luluskan rancangan perumahan itu dia terus masukkan syarat dalam perumahan itu 40% hendaklah diberi kepada bumiputra, dia masukkan syarat itu tetapi di Selangor dan negeri lain saya tak dapat tahu ada syarat yang berkenaan. Saya harap dapatlah Menteri yang berkenaan supaya Kerajaan membuat syarat ke seluruh negara. Dan kata Menteri yang berkenaan semalam dia tidak mengawal harga rumah. Kalau tidak kawal saya hairan. Bukan pula saya datang dari Johor saya hendak bercakap kerana hal Johor—tidak, tetapi di Johor ada kawalan.

Tujuannya begini, lebih pula sedikit baiknya di Johor, dia minta pemaju perumahan itu mengatakan berapa rumah yang hendak dijual kepada Kerajaan, kemudian kepada bumiputra kurang 15% daripada harga yang ditetapkan. Jadi Kerajaan tahu sebenarnya harga yang mahal, harga yang sederhana, harga yang murah, ini ada dikontrol dan bumiputra pula dapat 15%. 15% pun saya tak berapa setuju. Yang saya bersetuju Kerajaan buat perumahan murah itu, janganlah bumiputra ini semua hendak dapat kelebihan, harga pun hendak murah daripada orang asing—tak baik. Lebih baik Kerajaan membuatkan perumahan ini yang secukupnya.

Saya hairan Menteri yang berkenaan mengatakan pula rumah ini boleh cukup antara 50 sampai 100 tahun, ini ucapan yang dijawab kepada soalan saya dalam Dewan yang mulia ini. Tak usah 100 tahun, 50 tahun umur kita ini kalau minta rumah mana hendak tunggu lagi 50 tahun, lagi 10 tahun

belum tentu. Saya ingat Menteri ini baik kaji-balik, barangkali dia salah cakap, tak tahulah, baik ditimbangkan balik adakah sebenar cakupannya itu antara 50 dan 100 tahun baru dapat mengatasi masalah ini.

Mengenai rumah-rumah setinggan, Saya ingat senang mengatasi rumah setinggan. Kalau ada satu kawasan itu rumah setinggan dalam 50 atau 60 berhampiran dengan itu juga dibuatkan flat 4 tingkat kerana orang setinggan itu. Maka dengan jalan ini dia buat, satu daripada jalannya yang dapat mengatasi rumah-rumah haram dalam bandar-bandar yang ada di Malaysia ini.

Satu perkara lagi ialah mengenai perkara Polis dengan Military. Peruntukan di sini cukup besar, lebih daripada \$1,000 juta, beli kelengkapan dan sebagainya kerana Angkatan Bersenjata kita. Ini sangat-sangat baik, Saya sangat-sangat menyokong, tambahan lagi pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah bercakap semalam kalau Thailand diserang, bererti menyerang kita, bantuan akan kita beri, ini kata Perdana Menteri. Tetapi dengan senjata sahaja pada zaman ini kalau kita hendak bermegah dengan senjata yang moden sahaja, saya ingat bukan tak baik, baik juga tetapi tidak boleh ada kejayaan yang sepenuhnya, melainkan kita juga hendak menjaga hati Angkatan Tentera dan Polis. Kalau hatinya di dalam dan semangat tidak kuat kepada negara kepada bangsa dan agama macam mana perjuangan hendak datang.

Tujuan cakap saya ini macam mana? Perumahan mestilah difikir. Anak-anak mereka bersekolah mesti difikir juga. Kalau tempat sekolah sahaja rumah tidak ada, tidak baik.

Kemudian ada pula saya dapat tahu Polis Marin, saya diberitahu uniform itu dibeli sendiri. Yang Kerajaan memberi itu tidak boleh dipakai, besar begitu, begini dan sebagainya. Tukang mana, tender mana yang dihantarkan tidak tahu, terpaksa Polis itu membeli uniform sendiri. Ini membebankan Polis itu.

Kemudian kereta Polis, ada setengah-setengahnya negeri kalau kereta-kereta kenai-kan Polis itu hendak mengejar perompak saya ingat tidak dapat. Keretanya selalu rosak. Ini patutlah diganti dengan yang baru, dengan serba-serbi yang betul-betul untuk faedah negara. Kita dapat tidur dengan

senang, mereka yang menjaga negara kereta itu rosak sana sini, sudah berapa tahun kereta Alfa Romeo lama yang kecil itu, macam mana hendak mengejar. Kereta-kereta Datsun yang baru pun dia tidak boleh kejar. Ini patut Menteri yang berkenaan menim-bangkannya.

Satu lagi perkara yang saya dapat tahu Polis Marin pergi operation. Beberapa hari mereka pergi ke laut dan sebagainya. Kalau salah, salah sayalah. Apa yang diberitahu kepada saya elaanunya \$2.50 satu hari dengan diberi beras, susu tin kecil dan ikan sardin yang kecil. Kalau begini macam mana semangat mereka hendak bekerja dengan bersungguh-sungguh. Saya berharap benar pihak Menteri yang berkenaan dapat melihat-kan perkara ini dan supaya semangat-sema-ngat Angkatan Tentera dan juga Polis kita ini kuat berjuang kepada negara kita yang kita dapat duduk sihat.

Satu lagi yang saya suka nyatakan di sini hospital-hospital daerah. Ini sangat-sangat menyedihkan. Segala kelengkapannya, ambulannya tidak cukup, kereta mayat tidak ada, doktor-doktor pakar tidak ada dan perkakas-perkakas sehinggakan sampai gebar kalau dua atau tiga hari hujan orang sakit yang menggigil itu tidak ada gebar yang hendak digantikan. Gebar daripada luar tidak boleh dibawa. Ini patut pihak yang berkenaan mengambil perhatian. Baju demikian juga dan lain-lain lagi.

Juga saya hendak disebut di sini berkenaan dengan Tabung Haji. Wang pendahuluan kerana naik haji ini kalau orang itu mem-batalkan dengan sebab-sebab tidak pergi naik haji maka ada pula potongan dan pampasan dan sebagainya. Saya sudah bawa dalam soalan tambahan tempoh hari tetapi tidak dapat jawapan yang memuaskan. Saya berharap pihak Kerajaan menjemput pihak Tabung Haji mengkajikan balik perkara ini. Wang yang sebanyak ini apa ada faedah kepada Tabung Haji tetapi menyakitkan ahli-ahli jemaah haji itu sendiri saya ingat. Tetapi kapal-kapalterbang lain kalau kita melawat di mana pun di luar negeri kalau kita batalkan di akhir-akhir pembatalan pun, lagi besar, tidaklah sebesar yang kita pergi ke Jeddah ini, tetapi tidak ada potongan apa-apa. Mengapa Tabung Haji hendak buat potongan seperti itu? Ini pada pendapat saya patut sangatlah dikaji supaya jangan perkara itu berlaku lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya ada mendengar Ahli Dewan kita ini berucap pada hari semalam dalam perkara Ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua kalau orang itu tidak tahukan hal Ugama Islam yang sebenarnya lebih baik jangan dia bercakap hal Ugama Islam. Jadi kalau dia bercakap hal Ugama Islam ini adalah menyentuh kita yang beragama Islam. Undang-undang Islam ini sangat luas. Saya pun seorang yang beragama Islam berumur 60 tahun ini tidak berani hendak bercakap hal Islam kerana undang-undang Islam ini sampai bila pun kita belajar tidak boleh habis. Jadi kalau sedikit-sedikit lebih baik jangan bercakap kerana undang-undang Islam ini luas, bukannya undang-undang Islam ini sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita itu, potong tangan dan sebagainya. Kita harap negeri ini, kata Ahli itu, supaya kita duduk dalam negeri ini jangan undang-undang Islam dijalankan kuatkuasa dalam negeri ini. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu tidak sedar barangkali yang dia duduk ini ugama negara ini ugama Islam. Itu mestilah difahamkan sebaik-baiknya. Saya ingat perkara yang macam ini saya pun tidak suka bercakap panjang supaya jangan ada hal yang tidak baik daripada segi ugama dalam perkara ini.

Satu lagi perkara yang saya hendak cakapkan di sini, saya dengan ucapan Menteri yang berkenaan dalam JKR banyak sangat kontraktor-kontraktor Melayu yang kena hukum dan yang kena batalkan lesen kontraknya. Ini nampaknya JKR semata-mata menyalahkan kepada kontraktor-kontraktor Melayu tetapi patut disemak balik, patut dikaji balik JKR juga ada membuat salah dan sebagainya dan cara mana dan macam mana hendak mengatasi supaya dapat menolong melatih supaya kontraktor-kontraktor ini boleh hidup maju dan jaya bukan semata-mata hendak mengcancel dan mendenda sahaja. Ini harapan saya dengan tulus ikhlas.

Yang akhir saya bercakap di sini, semua rancangan Kerajaan ini beribu juta ringgit cukup baik, Kerajaan cukup adil hendak diberi rakyat segala kenikmatan yang ada tetapi tidak boleh jalan kalau pentadbiran, pelaksanaan tidak dapat berjalan dengan

cekap. Hari ini ada setengah pegawai-pegawai Kerajaan ini—saya minta maaf—mereka tidak faham lagi perubahan sebagaimana yang ada berjalan pada hari ini, mereka tidak faham lagi perjalanan Kerajaan pada hari ini. Ada lagi yang menyeleweng dan ada lagi yang menahan-nahan atas kemajuan. Sebab itu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh, mengatakan selebih-lebih mereka memikirkkan antara 60% dan 70% sahaja dijalankan estimate yang dibentangkan ini pada tahun 1980. Dari itu, saya berharap benar kepada pegawai-pegawai pentadbir yang hendak melaksanakan projek ini hendaklah jujur dan amanah mudah-mudahan manfaat bagi pihak kita semua.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong kuat atas Belanjawan tahun 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dan saya mengucapkan banyak terima kasih.

4.37 ptg.

**Puan Zawiah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya turut bersama dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 ini.

Saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang berdasarkan bahawa pun dunia sekarang ini di dalam keadaan ekonomi Malaysia telah terus maju walau-ekonomi yang lembab dan sistem kewangan yang susut. Ini juga telah membuktikan kepada kita bahawa kematangan Kerajaan bagi melaksanakan dasar-dasar sosio-ekonomi yang baik dan lebih praktikal yang dianggarkan bahawa Kerajaan akan mencapai pertumbuhan ekonominya dalam kadar 8% setahun dan angka-angka ini telahpun dikekalkan semenjak tahun 1976 lagi.

Ini adalah mengkagumkan kita bahkan dunia dengan keupayaan negara kita yang sedang membangun ini dapat mencapai ke angka yang begitu baik. Begitu jugalah kadar inflasi yang dapat dikurangkan sebanyak 4% semenjak tahun 1976 lagi. Dengan ini menjadikan kewangan negara kita lebih stabil dan kukuh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian cukai dari \$1,000 kepada \$5,000 dan juga dari \$1,000 kepada \$2,000 untuk isteri-isteri telah disambut baik oleh rakyat. Dengan pelepasan cukai yang dinaikkan ini akan meringankan sedikit bebanan terhadap suami-suami. Di sini saya juga ingin membuat pertanyaan iaitu bagaimana pula dengan orang yang beristeri lebih daripada satu, adakah akan diberi pelepasan cukai juga kepada isteri-isteri kedua dan ketiga?

Tuan Yang di-Pertua, penurunan cukai jalan 50% kepada teksi-teksi telah diberi sambutan yang baik dan ini benar-benar menunjukkan Kerajaan ingin menolong kepada derebar-derebar teksi yang hendak mencari makan dan mereka itu kesemuanya terdiri dari golongan yang miskin, yang kebanyakannya menyewa teksi dengan taukeh-taukeh atau orang-orang yang berada, dan mereka itu kebanyakannya hanya sebagai kuli sahaja. Oleh itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya bertindak dengan segera sebagaimana kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Awam yang mana semua lesen untuk mendapatkan teksi itu akan diberi kepada orang-orang yang memandu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara berhubung dengan pelajaran, saya ingin menyatakan bahawa kita semua tentulah mengalu-alukan di atas peruntukan yang besar yang telah diperuntukkan kepada pelajaran iaitu 1/5 daripada peruntukan menguruskan rancangan yang akan dilaksanakan. Dengan peruntukan yang banyak ini adalah diharapkan akan mendatangkan faedah yang besar kepada penduduk-penduduk di negara ini terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dari kawasan-kawasan luar bandar. Dan hasrat Kerajaan untuk membina 13 buah lagi Sekolah-sekolah Teknikal dan Vokesyenal itu adalah juga diharapkan supaya dapat dibina di kawasan luar bandar. Dengan adanya pembinaan sekolah yang tersebut itu di luar bandar bukan sahaja untuk kemudahan-kemudahan kepada pelajar-pelajar bahkan kawasan itu juga akan dapat membangun dan membuka sedikit peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Berhubung dengan Skim Pinjaman Buku-buku Teks, adalah diharapkan kepada Kementerian Pelajaran supaya menyediakan

buku-buku sebanyak mana bilangan pelajar yang ada di sekolah, supaya semua pelajar boleh mendapatkan buku-buku dengan mudah di sekolah tersebut. Oleh kerana pelajar-pelajar terutama yang tinggal di luar bandar yang tidak layak mendapat buku-buku di bawah Skim Bantuan Pinjaman Buku-buku Teks ini selalu sukar mendapatkan buku di kedai-kedai, jadi bolehlah mereka membeli buku-buku yang dibekalkan di sekolah dengan dibayar di sekolah sahaja.

Berhubung dengan bantuan makanan tambahan di sekolah-sekolah, adalah diharapkan mana sekolah-sekolah yang dipilih mendapat rancangan bantuan makanan tambahan ini juga hendaklah diberi kepada semua murid-murid di sekolah itu. Ini adalah bagi mengelakkan berbagai-bagai kesulitan dan tuduhan-tuduhan terhadap guru yang menguruskan kepada separuh atau sebahagian kecil sahaja murid yang mendapat bantuan makanan bagi sesebuah sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya beralih pandangan saya kepada Lembaga dan Urusan Tabung Haji (LUTH) pula. Apa yang saya difahamkan bahawa pihak LUTH telah membuat pungutan sebanyak \$10 tiap-tiap seorang bakal haji yang hendak menunaikan fardhu haji untuk tabung kebajikan. Dengan ini saya ingin mendapat kepastian untuk kegunaan kebajikan yang manakah wang-wang itu boleh digunakan? Kerana apa yang kita ketahui baharu-baharu ini ketika berlakunya rampasan Masjidilharam banyak bakal-bakal haji kita yang terkandas telah kekurangan wang, maka pihak LUTH telah mengeluarkan arahan kepada bakal haji yang kekurangan wang akan diberi kemudahan untuk meminjam. Kenapakah pihak LUTH tidak menggunakan sahaja wang-wang di dalam tabung kebajikan itu bagi membantu bakal-bakal haji yang terkandas itu dan bukan secara pinjaman? Kerana, pada pendapat saya, perkara yang berlaku itu bukanlah disengajakan oleh bakal-bakal haji yang tidak mahu kembali dengan awal, tetapi itu juga dikirakan satu malapetaka yang diqada oleh Tuhan. Dengan itu, saya ingin mendapat penerangan yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan adalah sebuah Kementerian yang diberi peruntukan yang banyak bagi pengawasan dan mentadbirkan di pusat kesihatan bagi kemudahan rakyat terutama terhadap

rakyat yang miskin. Di sini saya ingin menyentuh di bahagian kenderaan bagi mengangkat mayat atau kereta jenazah. Apa yang saya difahamkan, kereta mengangkat mayat ini hanya ada satu sahaja yang diperuntukkan di Hospital Besar di Kuala Trengganu iaitu hospital besar yang menampung pesakit dari seluruh Negeri Trengganu. Apabila berlaku pesakit yang meninggal dunia di hospital lebih daripada seorang inilah yang menjadi masalah yang besar untuk menunggu giliran mengangkat mayat untuk di bawa pulang. Kadang-kadang memakan masa yang begitu lama dari pagi sampai malam terutama sekali kepada masyarakat yang tidak mempunyai kemampuan untuk menyewa kenderaan lain. Apa yang saya dapati di Negeri Trengganu, kereta mayat selain daripada di Hospital itu hanya ada satu lagi kenderaan mayat yang disediakan iaitu di Jabatan Ugama. Dan yang menjadi lebih berat lagi masalah ini ialah ketika kereta mayat itu rosak, untuk diperbaiki kadang-kadang memakan masa sehingga seminggu, dua minggu malahan berlaku sehingga dua bulan terpaksa menunggu untuk diperbaiki. Perkara ini saya mengalami sendiri apabila saya menguruskan kereta mayat untuk membawa balik orang-orang kampung yang telah meninggal dunia. Jadi dengan ini saya mengesyorkan kepada Kementerian Kesihatan supaya menambahkan kenderaan dengan secukupnya dan sekiranya berlakunya kerosakan kepada kenderaan ini, maka hendaklah diberi kelonggaran bagi menggunakan ambulan pesakit untuk menghantarkan mayat-mayat ketika kerosakan kenderaan berlaku bagi memudahkan urusan pengebumian terhadap jenazah terutama yang telah uzur iaitu pesakit yang lama. Dengan ini saya berharap benar-benar supaya pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang berat terhadap masalah ini.

Satu perkara lagi dalam Kementerian Kesihatan juga iaitu berkenaan dengan bidan-bidan yang bertugas pada waktu malam hendaklah diberi kemudahan untuk menggunakan Land Rover bagi menghantar bidan-bidan ke rumah orang-orang yang hendak bersalin. Ini adalah untuk menjaga keselamatan terhadap bidan-bidan yang bertugas tak tentu masa jam 2 atau 3 pagi dengan menggunakan basikal atau skuter yang telah disediakan oleh klinik tempatan mereka di mana mereka bertugas. Ada kalanya tak

sempat bidan sampai ibu-ibu sudah bersalin. Kalaulah berlaku perkara seumpama ini, ia akan menyebabkan keselamatan ibu dan anak tidak terjamin.

Saya mengesyorkan perkara ini ialah memandangkan kepada klinik-klinik yang mengawasi kawasan yang luas contohnya seperti Klinik Air Jerneh di Kuala Trengganu yang menampung penduduk lebih kurang 60,000 orang di kawasan 25 batu persegi dan terdiri daripada ibu dan anaknya 45,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi juga mengenai bidan-bidan. Apa yang difahamkan tiap-tiap seorang bidan yang bertugas pada waktu malam dia dikehendaki bertugas juga pada waktu siang untuk memandikan anak dan melawat anak-anak yang bersalin dengannya. Jadi nampaknya tenaga bidan-bidan ini telah digunakan lebih daripada 12 jam. Kalau beginilah keadaannya tidakkah ini satu penganiayaan terhadap mereka? Dengan ini saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula perkara ini supaya tidak berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman.

4.39 ptg.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Dewan ini pada hari Isnin yang lalu.

Pada umumnya, Belanjawan 1980 telah mendapat perhatian dan sokongan setiap golongan masyarakat terutama golongan yang berpendapatan rendah kerana tambahan kepada pelepasan cukai perseorangan dan lain-lain pelepasan cukai dalam Belanjawan 1980 ini, sebanyak sedikit mengurangkan beban rakyat.

Pada pendapat saya, potongan-potongan cukai serta perbelanjaan dan subsidi yang besar ini membolehkan Kerajaan mengadakan strategi Belanjawan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan melawan inflasi. Bukan sahaja untuk menggalakkan lagi

pelaburan dan memperbanyakkan lagi penguasaan tetapi juga menolong terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah yang sentiasa menghadapi masalah-masalah ini di masa-masa yang lalu.

Pertubuhan-pertubuhan wanita seluruhnya di negara ini telah lama menunggu-nunggu tambahan pelepasan cukai kepada isteri sebanyak \$1,000 dinaikkan menjadi \$2,000 dan orang perseorangan dinaikkan kepada \$5,000 berbanding dengan \$2,000 sekarang. Saya berharap kepada kaum wanita seluruhnya supaya mereka berjimat dengan wang yang berlebihan ini.

Kita bersyukur bahawa matlamat ekonomi negara mencapai ke taraf yang lebih baik dari tahun ke tahun walaupun pada keseluruhannya dunia sekarang dalam keadaan ekonomi yang lembab dan sistem kewangan yang kusut. Ini telah membuktikan kematangan dan kebijaksanaan Kerajaan kita melaksanakan dasar sosio-ekonominya yang baik dan berfaedah, terutama dalam masa 4 tahun yang sudah ekonomi kita telah bertumbuh sekadar 80% purata setahun.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membawa perhatian Ahli-ahli Dewan kepada perkara peruntukan pelajaran.

Peruntukan bagi kemudahan-kemudahan pelajaran dan latihan secara meluas dan merata meliputi serendah-rendah lapisan rakyat adalah satu cara atau usaha yang tegas dan berkesan bagi mengurangkan beban perbelanjaan yang besar, yang terpaksa ditanggung oleh golongan rakyat yang miskin. Kira-kira 1/5 daripada jumlah Belanja Mengurus atau \$2,055 juta adalah diruntukkan bagi pelajaran. Lebih kurang \$587 juta adalah untuk kemudahan latihan bagi membolehkan perkembangan yang lebih pesat dalam pelajaran rendah, menengah dan tinggi.

Peruntukan yang besar ini akan menjamin penyediaan sejumlah 2,120 projek yang akan memberi faedah kepada 3 juta murid. Jumlah wang yang besar ini diperuntukkan bagi pelajaran, saya percaya tentulah semua orang bersetuju.

Saya berasa syukur bahawa Kerajaan telah mengambil berat tentang pelajaran anak-anak kita. Kepada yang mampu angka yang sebegini banyak tidaklah menjadi soal tanda tanya, tetapi kepada mereka yang miskin, tentulah mereka itu mengucapkan

terima kasih kepada Kerajaan terutama Skim Pinjaman Buku Teks, makanan percuma dan yang penting sekali usaha menambahkan dari 588 kepada 605 Sekolah-sekolah Teknikal dan Vokesyenal. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang merundingkan saya ialah cara pelaksanaan dan pemberian satu-satu projek itu sehingga hari ini menjadi buah mulut orang.

Skim Pinjaman Buku-buku Teks ini bukan baru. Skim pinjaman ini telah beberapa tahun yang lalu dijalankan. Tetapi malangnya orang yang menerima bersungut, terutama orang-orang di luar bandar, masih lagi bersungut. Bersungut yang pertama pemberian buku-buku teks ini tidak kepada mereka yang betul-betul memerlukannya, dan yang keduanya, buku yang diberi itu sudah tidak boleh dibaca. Sudahlah kulit buku tidak nampak, rupa atau kecantikan atau nama buku yang hendak digunakan, coreng sana dan coreng sini, itulah buku yang dipaskan ke tangan anak-anak murid tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita betul-betul serius mengadakan satu skim yang begini baik untuk hendak menolong orang-orang miskin, saya berharap Kementerian yang berkenaan akan mengadakan satu monitoring system di peringkat-peringkat negeri, kalau susah sangat di peringkat-peringkat sekolah, penapisan orang-orang yang betul-betul berhak menerima buku-buku ini dan bentuk buku-buku yang hendak dibagikan itu, biarlah yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, makanan percuma yang disebutkan, ini juga satu cara yang baik untuk hendak menolong rakyat miskin terutama sekali di luar bandar.

Saya ingat masa saya masih dalam bangku sekolah 25 tahun dahulu - saya ini sudah tua, saya pun dapat minuman percuma iaitu susu, susu kering yang diberikan oleh UNESCO dan kami dapatlah pagi-pagi minum susu. Beraturlah kanak-kanak itu beramai-ramai. Kadang-kadang susu yang diberi itu tak lalu kami hendak minum dan kadang-kadang susu itu sudah berlapok. Kalau tak salah saya susu-susu ini ada lagi di Central Welfare Council yang sudah berpuluh-puluh tahun, projek ini tak berjalan lagi, sekarang Kerajaan hendak bangkitkan balek. Tetapi saya tidak dapat penjelasan maksud makanan percuma yang hendak diberi ini, apakah

bentuk makanannya? Adakah pada anak-anak di sekolah-sekolah rendah di luar-luar bandar sahaja atau menyeluruh? Maksudnya kita akan mengujudkan satu jenis makanan pagi yang boleh diterima oleh semua kanak-kanak ini. Adakah ini untuk memberi kesihatan kepada mereka ataupun hendak melatih mereka dalam jenis-jenis makanan?

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang sebegini besar juga dibuat bagi membanyakkan lagi Sekolah-sekolah Teknikal dan Vokesyenal. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.00 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

*5.17 ptg.*

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan hujah-hujah saya berkenaan negeri peruntukan Pelajaran. Pelajaran merupakan satu pelaburan manusia yang akan membawa ke arah pengeluaran keseluruhan yang lebih dan akan menjadikan faktor utama bagi menentukan pertumbuhan dan melalui pelajaranlah dapat kita memajukan potensi manusia dan perpaduan rakyat. Memberi keutamaan kepada pelajaran seseorang itu bukan sahaja merupakan pelaburan peribadi bahkan ia merupakan satu pelaburan ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Oleh yang demikian, memandangkan Kerajaan banyak menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri dengan tujuan yang saya sebutkan tadi, cadangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya elaun mereka digandakan lagi dari dua menjadi empat, pada pendapat saya tidak mencukupi jika kita bandingkan dengan keadaan inflasi yang akan berterusan.

Pada keadaan hari ini kita fahamlah bahawa ibu bapa masih lagi dengan adanya scholarship-scholarship pada anak-anak masih membantu anak-anak mereka yang dihantar ke luar negeri sama ada disebabkan oleh kekurangan wang atau wang itu lambat sampai kepada pelajar-pelajar. Oleh itu, saya

berharap, pertama, pelaksanaan projek-projek pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Tekanan pengurusan yang amat diperlukan supaya cita-cita Kerajaan hendak menolong rakyat yang miskin itu benar-benar tercapai.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan dalam masalah menambah sekolah-sekolah teknikal dan vokasional tadi supaya Kerajaan membanyakkan lagi asrama-asrama penuh dan sekolah-sekolah vokasional, kerana jumlah murid bertambah pada tiap-tiap tahun. Hari ini bilangan penuntut-penuntut kita yang keluar daripada sekolah menengah juga bertambah dan yang akan masuk juga bertambah. Angka yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran iaitu menambahkan lagi kepada 605 sekolah-sekolah teknikal dan vokasional ini kalau dikira dengan jumlah murid yang hendak masuk bagi tahun 1980 ini tidak begitu mendapat penempatan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyenutuh penurunan cukai jalan dan duti eksais ke atas teksi dan kereta sewa sebanyak 50% dan cukai enjin ke atas bas sebanyak 25% dan ini akan dapat memberi faedah yang besar kepada pemandu-pemandu teksi, terutamanya yang di luar bandar dan bagi saya mereka ini termasuklah dalam kumpulan yang berpendapatan rendah. Dan kepada tuan punya bas-bas juga penurunan cukai ini patutlah mereka ini berterima kasih. Oleh itu, saya berharap dengan adanya kemurahan hati Kerajaan, sektor pengangkutan akan dapat memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam untuk orang ramai di samping menghargai pemberian Kerajaan itu dengan cara tidak menyusahkan orang awam dari masa ke semasa berhubung dengan misalnya kenaikan tambang dengan serta-merta, mogok dengan serta-merta dan apa sahaja yang mereka lakukan, menyusahkan orang awam. Oleh kerana masih banyak lagi orang yang tidak mampu memiliki kereta maka mereka terpaksa bergantung kepada pengangkutan awam ini untuk berulang alik ke pejabat mencari nafkah dan dengan itu mereka juga mempunyai hak mendapatkan perkhidmatan yang baik.

Kalau saya berikan misalnya maksud saya tadi, menyusahkan orang ramai di masa sekarang ini teksi-teksi di bandar Kuala Lumpur ini jikalau kita tengok ada waktu-waktu mereka tidak ambil orang di jalan-jalan. Kononnya, masanya sudah cukup. Ada

setengahnya itu dia tidak hendak ambil orang sudah naik dalam kereta, dilepaskan di tengah jalan kononnya yang jalan penumpang ini hendak pergi susah hendak menanti. Tetapi pada masa mereka hendak meminta permit, meminta supaya teksi banyak, bukan main lembut lidahnya masing-masing. Inilah kesusahannya, terutama kalau kita pergi waktu pagi, kalau datang dari Johor atau dari utara naik keretapi atau ke mana-mana pergilah dekat setesyen keretapi itu, sesak teksi tetapi dia menyusahkan orang ramai, dengan menaik harga tambang itu. Kononnya, pada suatu ketika dahulu Kerajaan mengatakan dikontrol tetapi perjalanannya dan perlaksanaannya tidaklah sebagaimana yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, urusan pengangkutan adalah satu perkhidmatan bukan perusahaan atau perniagaan untuk mencari faedah atau mencari keuntungan sahaja dan dengan itu perkhidmatan itu sepatutnya betul-betul dapat menolong orang ramai. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini sudah menjelajah jauh ke negara-negara timur, barat; entah ke mana-mana lagi dan melihat bagaimana perkhidmatan pengangkutan orang ramai disediakan di negara-negara itu sama ada yang berupa bas, tram ataupun keretapi dan sebagainya.

Kita semua tahu pihak kerajaan negara-negara itu ada memberi subsidi yang banyak kepada usaha pengangkutan awam ini, kerana tujuannya mereka mahu supaya rakyat menjalankan tugasnya masing-masing dengan sempurna, mencari nafkah dengan sebaiknya dan sampai ke tempat-tempat yang dituju dengan selamatnya. Oleh itu, saya sangat-sangatlah mengharapkan agar Kerajaan di samping mengurangkan cukai-cukai pengangkutan ini, berusaha melihatkan supaya wujudnya satu sistem pengangkutan perkhidmatan awam yang baik dan sistematik terutama sekali di bandar Kuala Lumpur yang sentiasa sesak. Kalaulah suri-suri rumah tangga itu hendak pergi ke Kuala Lumpur, terutama sekali pada hari Sabtu, mereka kena berfikir dua kali. Daripada Jalan Parlimen ini sehinggalah ke Bulatan Jalan Kuching ataupun kemanakah, hampir-hampir satu jam, kena mengikut queue yang begitu banyak. Hari Sabtu hari kelepasan orang setengah hari dan kalau tidak percaya di dalam Dewan ini banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang berada di sekitar Kuala

Lumpur ini cubalah tanya mereka, keluar office pukul 12.45 tengah hari pukul berapa sampai rumah? Begitu juga sebelah petang, apakala mereka balik.

Pada pendapat saya jika sistem pengangkutan ini dapat diperbaiki, masalah kesesakan jalan raya di bandar-bandar akan berkurangan dan ianya juga boleh mengurangkan penggunaan minyak petrol dan disel. Inilah masalahnya. Saya berbincang dengan beberapa orang Ahli-ahli Dewan dan saya sudahpun dengar masalah kekurangan minyak sekarang sudah menjadi satu masalah besar dan mereka hendak tukar pula kereta masing-masing daripada kereta menggunakan minyak disel kepada minyak petrol.

Sektor pengangkutan pula hendaklah mulai sekarang ini perlu mengadakan satu kajian, mengkaji semula strategi mereka untuk menghadapi tahun-tahun yang akan datang. Misalnya mengadakan satu perusahaan executive transport ataupun pengangkutan untuk pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja awam dari tempat-tempat tertentu ataupun mass transit yang menghubungkan kawasan tertentu di mana terdapat banyak pekerja-pekerja. Kerajaan pula perlu mengadakan monitoring system supaya usaha-usaha ini berjalan dengan baik dan efisien. Jikalau kita hendakkan pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai berada di dalam pejabat tepat pukul 8.00 pagi, tolonglah mereka pula dengan memberikan kemudahan-kemudahan ini.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara perumahan. Perkara ini bukanlah satu perkara baru. Orang ramai kadang-kadang kehilangan kesabaran untuk hendak mendapatkan rumah bukan pula rumah yang harga mahal, rumah yang berharga murah sampai hendak mengambil borang itu macam hendak menunggu bintang filem yang datang, itupun tidak sebegitu hebat. Baru-baru ini di Pulau Pinang, Dewan Seri Pinang sampai pecah cermin-cermin bukan untuk apa—untuk mendapatkan borang cukup susah.

Satu aspek pembangunan sosio-ekonomi yang sangat-sangat dikehendaki ialah pembangunan perumahan. Perumahan adalah satu masalah yang amat besar dan memerlukan tindakan segera terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah. Dasar perumahan ataupun matlamat dasar perumahan harga rendah Kerajaan, pada pendapat saya

adalah seolah-olah seperti "melepaskan batuk ditangga". Kalau ditanya kepada saya, saya akan beri misalan.

Cuba kita lihat satu kenyataan yang dibuat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam bulan Ogos dalam sebuah akhbar yang menyatakan bahawa yunit rumah yang diluluskan daripada jumlah matlamat sebanyak 73,505 yunit dan dari angka itu hanya 13,505 yunit telah disiapkan dan 27,439 yunit lagi adalah dalam peringkat pembinaan sahaja.

Saya sebutkan pula lagi satu keterangan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada hari semalam apakala saya mengemukakan satu soalan di Dewan ini. Katanya, Kerajaan telah mengadakan berbagai program untuk mengatasi masalah perumahan di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah.

Dia menyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga kira-kira 76,000 yunit rumah telah disiapkan oleh sektor awam yang sebahagian besar daripadanya adalah ditujukan khas kepada golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, 92,000 yunit lagi adalah dalam peringkat pelaksanaan. Bulan Ogos satu statement yang lain keluar semalam satu statement yang lain keluar.

Selain daripada itu, tadi Yang Berhormat Datuk rakan saya di sini menyebutkan dalam soalan tambahan yang dikemukakannya semalam berkenaan dengan selama mana Kerajaan boleh melaksanakan matlamat ataupun dasar perumahan yang berharga murah ini.

Sungguhlah mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah Menteri yang berkenaan mengatakan jawapan ke 3 tidak pernah kita memenuhi kehendak semua rakyat bagi mendapatkan rumah.

Saya ingat kalau ada rancangan yang panjang akan mengambil masa 50 atau 100 tahun agaknya, baharulah dasar Kerajaan itu terlaksana.

Tuan Yang di-Pertua, apalah maknanya pembangunan yang begitu indah dalam bandar Kuala Lumpur ini sahaja, kalau kita tengok. Kalau di bawah-bawah jambatan seperti jiran kita Indonesia di bawah-bawah jambatan penuh dengan orang-orang duduk, kita sekarang ini boleh juga berasa bangga, bijak juga setinggan-setinggan ini duduk

jauh daripada bandar Kuala Lumpur, dibuatnya rumah-rumah itupun sudah sakit mata kita menengokkan rumah-rumah setinggan bertempat di mana-mana sahaja. Kalau inilah keadaan jawapan Menteri-menteri yang berkenaan, bukan saya sahaja, Tuan Yang di-Pertua, malah saya yang sebenarnya minta pecahan ini, apakah term pendapatan rendah ini tidak dijawab sampai sudah. Kalau tidak salah saya ialah orang yang berpendapatan \$750 sebulan sekarang ini, cubalah Tuan Yang di-Pertua fikirkan.

Semalam jawapan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, katanya menggunakan psikologi, psikologi apa benda: hari ini orang hendak rumah, rumah tidak ada—ada rumah tetapi bukan untuk orang-orang ini semua. Jadi, apa usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Apa gunanya pembangunan yang begitu besar, cantik apakala rakyatnya masih lagi tinggal di rumah-rumah setinggan, menyewa bilik-bilik, kalau kita bertanya kepada pekerja-pekerja di dalam pejabat kadang-kadang empat, lima, enam orang berkongsi tinggal dalam sebuah rumah atau sebuah bilik.

Kita patut mempunyai satu sistem, seperti kata kawan saya semalam Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin supaya Kerajaan memberi satu jaminan, apakala seseorang itu masuk bekerja dengan Kerajaan, dengan pihak swasta, dijadikan satu syarat supaya beberapa persen daripada pendapatannya itu dipotong untuk persediaan perumahan. Saya berasa amat dukacita yang perkara ini tidak diambil berat oleh Kementerian yang berkenaan. Soalan saya sudahlah tidak berjawab, sudah beberapa kali saya cuba hendak mengutarakan, masih tidak berjawab.

Kementerian ini perlu mengambil tindakan segera untuk mengkaji kegagalan ini dan mengambil tindakan yang positif terhadap kelemahan-kelemahan yang telah dikemukakan untuk merangka satu strategi perumahan kos rendah yang dinamis.

Hari ini dalam suratkhbar sudah tertubuh satu Majlis Perundingan Perumahan, Alhamdulillah. Saya berharap Majlis ini dengan tarafnya memberikan satu nasihat, biarlah mereka ini menjadi satu task force yang betul-betul membantu Kerajaan untuk mengatasi masalah perumahan ini. Jangan kita hanya menggalakkan pemaju-pemaju rumah membuat rumah yang besar-besar sahaja, kerana orang yang mempunyai pendapatan

\$50,000 atau \$100,000 setahun mereka itu mempunyai dua tiga buah rumah—sudah ada bagi mereka itu, tak usah disusahkan lagi, yang kita mesti ingat sekarang biarlah rakyat yang berpendapatan rendah ini hidupnya selesa, maka kita baharulah ada perpaduan dan kebahagiaan hidup.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya membentuk satu Jawatankuasa Khas bukan sahaja terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan tetapi juga daripada orang awam yang betul-betul mahu melihat rakyatnya hidup bahagia, mengkaji peraksanaan dan melihatkan pembinaan rumah itu betul-betul mengikut specification dan pembinaannya dalam masa yang ditetapkan. Kalau boleh Jawatankuasa ini juga melihatkan supaya orang-orang yang membuat permohonan itu tidak tiap-tiap kali orang yang sama, biarlah pemberian rumah-rumah ini—rumah harga rendah ini jangan dieksploitasikan oleh orang-orang yang berpendapatan lumayan supaya ada satu Jawatankuasa yang boleh melihatkan pemberian ini tersusun dan memberikan betul-betul berkesan.

Kalau diikuti hati saya dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, mahu sahaja saya mengatakan kontraktor-kontraktor yang memberikan alasan kenaikan harga barang-barang, masa yang diberi tidak cukup, dipotongkan sahaja nama mereka ini daripada pendaftaran kontraktor-kontraktor supaya kita mahu peraksanaan yang sebaik-baiknya dari usaha Kerajaan.

Kerajaan telah berusaha menggalakkan pemaju-pemaju rumah swasta dan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan usaha-usaha yang intensif bagi menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi terutama rumah-rumah kos rendah bagi kumpulan yang berpendapatan rendah. Kalau kita lihat dalam Belanjawan 1980, ada disebutkan Kerajaan sedang melipatgandakan usaha-usaha bagi menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi terutamanya rumah-rumah kos rendah bagi kumpulan yang berpendapatan rendah.

Usaha-usaha untuk mendirikan lebih banyak lagi bilangan rumah akan dipergiatkan dan sebanyak \$237.4 juta akan disediakan sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan

Negeri. Kalau inilah yang diperuntukan Kerajaan Pusat mesti melihatkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri itu menyediakan rumah-rumah kos rendah ini.

Satu soalan yang dikemukakan oleh rakan saya di dalam Dewan semalam yang saya kata tidak berjawab, saya harap kepada Menteri yang berkenaan supaya masalah yang dikemukakan ini dapat diberikan jawapan supaya masyarakat ini mengetahuinya supaya mereka senang hati dengan pemberian Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya beralih tajuk ucapan saya ini mengenai perlunya satu gerakan pengguna yang kuat dan tersusun untuk melawan inflasi. Saya bersetuju sepenuhnya dengan peruntukan ini tetapi yang mendukacitakan saya ialah dalam kenyataan itu tidak pula disebutkan bantuan khas untuk menggalakkan persatuan-persatuan pengguna mengambil daya usaha yang berkesan dalam perkara yang begitu penting sekali.

Beberapa bulan dahulu Yang Berhormat Menteri Kewangan ada memberikan taklimat kepada badan-badan swasta, kepada orang-orang perseorangan, kepada persatuan-persatuan dan sebagainya supaya kita menubuhkan banyak lagi persatuan-persatuan pengguna ini. Jika betul-betul kita mahukan badan-badan pengguna ini memainkan peranan yang positif dalam memajukan hal ehwal pengguna dan menggalakkan consumerism hendaklah dilengkapi dengan bantuan kewangan yang mencukupi untuk membolehkan persatuan itu bergerak dengan cepat dan mempunyai kakitangan yang sepenuh masa untuk mengambil tindakan-tindakan segera kepada segala masalah pengguna-pengguna. Setakat ini yang saya tahu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan satu peruntukan sebanyak \$31,400 pada tahun ini sebagai pemberian untuk kegunaan Persatuan Penggunaan-penggunaan Malaysia (FOMCA) dan wang ini tentulah tidak mencukupi sekiranya consumerism ini hendak digalakkan di tiap-tiap negeri. Pentingnya pertubuhan ini kepada orang ramai pada hari ini amat-amatlah memerlukan.

Saya mencadangkan supaya satu peruntukan khas ditetapkan untuk persatuan-persatuan pengguna di seluruh negara supaya

mereka dapat mengambil bahagian dalam satu rancangan mengenai pendidikan pengguna dan yang hendak diberikan pendidikan ini kepada orang ramai. Saya berharap Kerajaan dapat menimbangkan dan bagi saya sudahlah sampai masanya kalau ditanya pendapat saya satu Kementerian Consumerism diadakan bagi menyusun dan berkuasa dengan sepenuhnya terhadap masalah pengguna-pengguna ini. Kalau hanya sebagai satu yunit di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian rakyat akan sentiasa menghadapi masalah dan menjadi mangsa kepada orang-orang yang menjadi peniaga-peniaga yang tidak langsung mempunyai peri kemanusiaan menaikkan harga barang tak kira bila masa. Kalau kita pergi ke pasar, sayur yang 40 sen sekati hari ini, esok sudah jadi 60 sen, ditanya fasal apa? Hujan. Hujan salah, panas salah, saya pun tak faham. Bilakah masa harga-harga ini akan distabilkan semua sekali. Saya sebagai pengguna tidak ada tempat untuk hendak mengadukan hal-hal ini, kalau hanya saya hendak mengharapkan satu yunit di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Sekali lagi saya syorkan supaya satu Kementerian khas, iaitu Kementerian Consumerism ini diwujudkan di negara yang tidak lama masanya kita akan menghadapi juga inflasi yang banyaknya tidak, tetapi akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan cukai yang hendak saya sentuh ialah pengurangan cukai daripada 40% kepada 50% ke atas syarikat-syarikat yang bermodal tidak lebih daripada \$1 juta yang mematuhi peraturan penyusunan semula ekuiti Dasar Ekonomi Baru dan juga pengecualikan cukai pembangunan sebanyak 5% ke atas syarikat-syarikat yang bermodal sebanyak itu yang mematuhi peraturan penyusunan semula guna tenaga dan saluran pemasaran. Saya sendiri mengalu-alukan langkah ini. Kalau tidak salah inilah kali pertamanya cukai seperti ini yang berlainan dikenakan bagi syarikat-syarikat swasta bagi tujuan menggalakkan penyertaan modal dan guna tenaga serta saluran pemasaran seperti yang disebutkan dalam Dasar Ekonomi Baru, iaitu memberi ekuiti 30% kepada bumiputra. Kepada saya jika Kerajaan betul-betul hendak melihat penyertaan bumiputra yang dikatakan memberi ekuiti 30% kepada bumiputra ini, yang 5% tadi itu eloklah dinaikkan kepada 10% kerana dengan cara ini sahaja mereka dapat

memberi peluang yang lebih banyak untuk membukakan pintunya kepada bumiputra mengambil mereka bekerja dan juga memberikan ekuiti 30% tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan Kementerian Pertanian. Ini juga akan menimbulkan masalah. Saya lihat peruntukan yang besar di bagikan kepada petani-petani. Hari ini apalah gunanya kalau kita cakap berkenaan pembangunan kalau kita pencirkan belia-belie. Apalah guna kita sebutkan pembangunan apakala belia ditinggalkan. Kita menghadapi berbagai masalah belia hari ini. Belia berhijrah satu perkara, belia yang duduk dalam lingkungan menghisap dadah, belia menganggur dan berbagai-bagai lagi masalah belia.

Peruntukan yang diberi kepada petani-petani pada saya melalui saluran yang tertentu supaya sampai wang itu kepada petani-petani dan peruntukan yang khas juga perlu diberi kepada belia-belie terutama di luar bandar. Saya takut jika kita tidak mengambil berat masalah belia hari ini dengan mengadakan projek-projek tertentu di luar-luar bandar kepada mereka, kita akan menghadapi inflasi manusia di bandar-bandar. Akhirnya, di bandar inipun rumah tidak ada, pekerjaan tidak ada, penghidupannya susah mencari makan susah. Apakah bentuk masyarakat yang akan kita lihat di masa akan datang?

Pembasmian kemiskinan tidak dapat dilihat dari segi menambahkan pendapatan wang tunai semata-mata. Pembasmian kemiskinan juga dari peningkatan taraf kehidupan rakyat. Kalau mereka ini tidak diberi dan tidak dilihat dengan serius masalah itu, maka rasa saya segala keindahan yang kita buat, yang kita peruntukkan di dalam buku yang sebegini molek, kita semua akan dikutuk oleh generasi muda di masa akan datang.

Baru-baru ini saya berpeluang melawat Sabah. Kerajaan Negeri Sabah mengutamakan pertanian, mengeluarkan hasil cash crops yang begitu lumayan, diadakan satu kawasan di Keningau untuk belia-belie. Kenapa kita di sini tidak boleh membuat satu rancangan sama ada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukankah, Kementerian Buruhkah,

Kementerian Kemajuan Tanahkah, Kementerian manalah yang bertanggungjawab berkenaan dengan penyertaan belia dalam pembangunan ekonomi negara? Hasil yang dikeluarkan oleh belia-belia di kawasan yang saya sebutkan tadi di Sabah itu cukup memuaskan, sampai berlebihan sehingga mereka dapat menubuhkan koperatif-koperatif mereka sendiri, berusaha untuk mencari pemasaran mereka sendiri dan melatih diri sendiri berdisiplin.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini sepatutnya membuat banyak lawatan, tetapi bukan lawatan untuk membeli-belah, pergi shopping, holidaying, itu yang kita buat. Hantar kita ini semua pergi melihat apa yang baik di negeri orang kita contohi, kita bawa balik, bukan kita bawa balik kebudayaan kuning menggalakkan anak-anak kita di sini bersifat demikian. Inilah angkara-angkara yang kita hadapi pada hari ini.

Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan sebelum kita terlambat, masih ada tanah lagi yang boleh diperuntukkan kepada mereka ini, berilah mereka ini satu kawasan supaya dapat mereka merasai diri mereka itu mustahak diri mereka wujud di kalangan masyarakat yang mahu serba moden pada hari ini. Mereka yang sebenarnya hari ini merasakan kita yang silap kerana tidak mementingkan masalah mereka. Saya mengharapkan supaya satu usaha dapat dibuat bagi belia-belia yang menganggur dan bagi belia-belia yang berhijrah ke bandar-bandar.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan peruntukan kepada badan-badan belia. Mesti ada satu sistem yang melihatkan ada follow-up kepada semua projek yang dijalankan. Jangan diserahkan sahaja wang itu dan tinggallah benda itu begitu, projek pun tinggallah projek, belia tinggallah dengan belia kerana buat satu ketika dahulu pernah kita mendengar mereka ini marah, disuruh kita membuat satu projek, buatlah satu projek tembikai sampai busuk kerana kita tidak ada usaha untuk menolong mereka mearikan pasaran melatih dari segi pengurusan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara sahaja lagi yang saya hendak sebutkan. Satu kepada Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini termasuklah rasa saya Jabatan Penerbangan Awam ini di bawah Kementerian ini dan saya tengok

perbelanjaan untuk mereka ini sungguh banyak. Akan tetapi, seperti yang disebutkan oleh Dato Sulaiman dalam ucapannya tadi menyentuh berkenaan dengan lapangan terbang yang saya sendiri pun merasakan amat dukacita.

Hari ini orang lebih seronok pergi ke Lapanganterbang Pulau Pinang. Sistem yang dibuat itu sudah mencapai ke peringkat international. Kita ada satu Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Saya balik daripada Sarawak lebih kurang pukul 11.00, ada satu kapalterbang yang sama dengan kapalterbang yang saya naiki tadi datang daripada Singapura. Saya dahulu daripada kapalterbang itu. Beg saya sampai 1½ jam lewat daripada orang yang naik kapalterbang Singapore Airlines. Ini macam mana, Tuan Yang di-Pertua? International Airport, kita rasa macam mana, kata Dato Sulaiman tadi kita sudah sampai Pulau Pinang beg tidak sampai lagi. Kalau hendak dikira 1½ jam itu saya boleh balik, sudah makan, datang balik ke airport beg tidak sampai lagi. Ini yang pertama.

Yang kedua, macam mana kita tahu seminggu beg hilang kononnya beg ini pergi merata-rata. Rupa-rupanya beg itu ada di lapanganterbang, dikatakan kapalterbang yang puan naik tadi agaknya beg ini sudah pergi merayau sampai ke Taiwan atau ke mana-mana seminggu. Bila kita balik semula ke Pejabat Penerbangan itu, mereka berkata minta maaflah puan, rupanya beg itu ada di sini. Ini bagaimana? Kalaulah perkara itu berlaku kepada orang luar, alangkah aibnya kita menunjukkan inefficiency.

Satu lagi yang saya harap Jabatan Penerbangan Awam ini dapat memperluaskan tempat letak kereta di airport, kalau masa Aerofloat hendak berangkat auzubillah, ramainya orang dekat airport. Setengah jam kita balik ke airport, aerial hilang, cermin hilang, kerana sudah terlalu bersesakan itu macam-macam orang datang ke airport.

Maka tempat letak kereta itu kita adakan di satu tempat khas, kita adakan jaga, orang menjaga kereta, masuk dengan berteket. Saya rasa puas hati dengan kerjasama orang ramai dan ini akan mendatangkan satu income kepada jabatan itu dan di samping itu memberikan pekerjaan. Saya tengok dengan peruntukan yang dibuat ini tidak langsung menyentuh perkara. Dari segi ini juga keselamatan mereka, pegawai-pegawai yang

hendak pergi ke Pulau Pinang atau Singapura hanya untuk menghadiri satu mesyuarat, balik di sebelah petang, ada keretanya dengan selamat di airport. Ini kepada orang-orang yang mempunyai drebar dan sebagainya tidaklah menimbulkan masalah, tetapi kepada kita yang hendak mencari nafkah itu, terpaksa merayu dan sebaik-baik tempatnya, saya rasa di sini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Kementerian yang saya hendak sebut ialah Kementerian Luar Negeri.

Kita di sini banyak kedutaan daripada negara-negara yang menyokong dasar kita. Kita juga begitu ada kedutaan di luar negeri, tetapi kenapa tidak kita mengadakan di kedutaan kita di luar negeri itu satu jawatan political adviser (penasihat politik) kepada duta-duta kita. Bukanlah saya mengatakan duta-duta kita itu tak tahu masalah politik negara ini, tetapi mereka berfikir bahawa mereka itu tak layak campurtangan dalam politik negara. Kadang-kadang silap memberi statement. Apa yang saya sebut ini berlaku, sebab itu saya katakan, tetapi tak payahlah saya sebut spesifik, biarlah Kementerian berkenaan mengulangkaji keadaan ini. Maka rasa saya jika kita mengadakan political adviser kepada duta-duta itu, rasa saya mengenalkan lagi keadaan corak politik dan negara kita.

Misalnya, ada seorang rakan saya di dalam Dewan ini memberitahu saya tak berjumpa dengan orang Russia yang datang ke sini baru-baru ini. Kawan saya ini duduk di sebelah dengan dia waktu satu jamuan makan. Mereka bertanya kenapa dasar kita ini ada raja-raja, apa yang dikatakan demokrasi dan sebagainya. Rasa saya sesiapa orang luar yang hendak datang ke negeri kita ini, duta kita itu mesti beritahu, beri penjelasan kepada dia sebelum dia membuat cerita yang bukan-bukan, beri dia penerangan yang sejelas-jelasnya berkenaan dengan politik negara ini. Di samping itu Setiausaha Politik ataupun penasihat politik kepada duta itu boleh dengan secara tidak langsung membuat kajian-kajian politik negara yang berkenaan.

Satu lagi, biarlah kedutaan-kedutaan kita diberikan kemudahan transport. Ada setengah-setengah kedutaan kita di negeri yang saya lawati, kedutaan kita mempunyai satu atau dua kereta sahaja. Ini rasa saya kalau

kita hendak melahirkan satu imej yang baik, saya rasa susah, kerana mereka tengok dengan keadaan kita pun di kedutaan itu cukuplah memberikan sangkaan yang lain.

Akhirnya, saya minta kepada Kementerian Luar Negeri supaya menasihatkan kedutaan kita di luar negeri jangan mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan kita pada 31hb Ogos kalau jatuh pada bulan puasa diadakan perjumpaan sama ada dia itu beragama Islam atau tidak beragama Islam. Kita mesti beritahu dengan dia kalau bulan puasa tidak ada satu jamuan diadakan, tetapi perkara ini berlaku dan ini mengaibkan yang kita katakan ugama Islam sebagai Ugama Rasmi negara ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan bagi tahun 1980.

6.05 ptg.

**Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1980 dan juga usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berkaitan dengan jumlah wang yang hendak dibelanjakan bagi tahun hadapan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah merangkakan satu Belanjawan yang bercorak positif yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita ini, di samping mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak serta juga melebihkan perseimbangan pembahagian rezki di antara berbagai pihak dan kaum di seluruh negeri dalam Malaysia, sektor awam dan sektor swasta. Mengikut hemat saya Belanjawan ini adalah sebagai satu cabaran untuk memperkembangkan ekonomi dan juga menambahkan lagi keyakinan di kalangan antarabangsa terhadap negara kita, di samping itu memberi keselesaan yang lebih baik kepada seluruh rakyat dalam semua negeri di negara ini. Sesuai dengan kata-kata yang pernah kita dengar dari pemimpin-pemimpin kita iaitu Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan berbagai hasil semulajadi seperti minyak, kayu balak dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, saya berpendapat jikalau kemakmuran negara yang lebih itu tidak dapat dinikmati

oleh seluruh rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar, terutama sekali bumiputera sebahagian besar masih lagi dalam kemiskinan, maka saya rasa kemakmuran yang saya sebutkan itu hanyalah menjadi pengakuan begitu sahaja. Oleh itu, kita berharap bahawa bila tiba masa matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat memberi satu kenyataan sebagai jawapan kepada cita-cita Kerajaan Barisan Nasional hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya menyentuh di bidang pertanian sebagai tulang belakang ekonomi rakyat luar bandar negeri Sarawak. Kira-kira 70% rakyat negeri itu adalah sebagai pekebun kecil dan juga nelayan bergantung untuk mendapat rezki daripada hasil pertanian seperti lada, getah, tepung sagu dan lain-lain lagi. Beras adalah sebagai makanan utama walaupun demikian padi mahupun beras yang dihasilkan dalam negara itu pada masa sekarang tidak mencukupi. Masih banyak lagi bergantung dengan beras dibawa masuk dari negara lain. Oleh hal yang demikian, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya peruntukan pembangunan di bidang pertanian di negeri Sarawak dilipatgandakan lagi sesuai dengan kawasan tanah yang masih banyak lagi kosong untuk merancang berbagai jenis pertanian terutamanya padi dua kali setahun untuk semua daerah bagi menambah lagi pendapatan rakyat serta juga mengubah cara pertanian tradisi dan lapuk yang tidak memberi hasil di zaman kemajuan sains dan teknologi ini. Bagi menampung kekurangan beras yang sangat diperlukan oleh negara kita perkara seperti ini tidak sepatutnya dilambatkan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk merancanginya. Lebih-lebih lagi jikalau kita lihat keadaan pergolakan negara yang mengeluarkan beras untuk negara kita sekarang telah bertukar corak menjadi negara yang kurang mengeluarkan hasil berasnya. Sebelum terlambat biarlah negara kita berdikari atas masalah makanan utama ini dan juga jika dibandingkan bumi negara kita ini dengan bumi negara lain yang mengeluarkan beras boleh dijual kepada kita, tidak ada sebab mengapa kita masih lagi bergantung membeli beras dari orang lain. Sepatutnya negara ini salah sebuah negara boleh mengeluarkan beras untuk dieksport, sama seperti kita mengeksport getah, lada hitam, minyak sawit dan tepung sagu untuk mendapat wang asing. Saya berharap supaya peruntukan untuk bantuan lada hitam dan bantuan baja

untuk padi bukit di Sarawak ditambah lagi daripada yang ada sekarang ini, bagi menggalakkan lebih ramai lagi rakyat luar bandar mengambil bahagian di bidang pertanian seperti ini.

Mengenai satu perkara yang agak dilupakan oleh pihak berkenaan ialah nasib pekebun kecil sagu atau rumbia. Sebelum getah, lada hitam, dan minyak sawit, tepung sagu adalah menjadi hasil pertanian yang dieksport dari negeri Sarawak di samping untuk makanan tambahan kepada rakyat di negeri itu. Walaupun demikian beberapa kali Ahli dari Sarawak bercakap perkara ini dalam Dewan Rakyat untuk mendapatkan bantuan subsidi daripada Kerajaan Pusat yang berpatutan seperti untuk membuat parit terhadap penanaman sagu, nampaknya tidak ada tanda-tanda perkara ini diambil perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab.

Di sini sukalah saya memberi sedikit bayangan untuk perhatian Kerajaan Barisan Nasional. Kawasan yang luas tanaman sagu terletak di tepi laut Bahagian Ketiga, di mana suku kaum Melanau majoriti di situ. Orang inilah yang memberi sokongan kuat kepada Kerajaan baik di peringkat negeri mahupun Pusat semenjak Sarawak merdeka dalam Malaysia. Saya berharap Menteri Pertanian dan salah seorang Timbalan Menteri Pertanian datangnya dari Sarawak memberi perhatian atas perkara ini dan sila datang melihat sendiri keadaan sebahagian daripada penanam sagu di tempat yang saya sebutkan itu untuk mendapat penjelasan yang lebih jelas dan dekat bagi masalah sosio-ekonomi mereka itu, apa yang ada diperolehi oleh mereka itu di bidang pertanian baik dari Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri itu sendiri.

Mengenai harga tepung sagu pula semenjak lebih 20 tahun harganya masih tidak bertambah atau berubah seperti harga pada hari ini iaitu \$9.00 atau \$10.00 satu pikul. Kami berharap pihak yang berkenaan mencari jalan supaya harga tepung sagu itu seimbang dengan harga barang-barang yang lain. Juga eksport tepung sagu itu adalah dimonopoli oleh orang yang tertentu sahaja mungkin oleh kerana itu harga tepung sagu tidak berubah. Dengan kesempatan ini saya merayu rombongan perdagangan dari negara kita ini bila melawat negara lain tolonglah mencari pasaran tepung sagu Negeri Sarawak

sama seperti usaha dibuat kepada hasil pertanian yang lain di negara kita ini. Walaupun pada masa ini saya rasa tepung sagu tidak dikenakan cukai eksport tetapi kepentingan rakyat mesti diberi pertimbangan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menegaskan dalam Dewan yang mulia ini satu perkara yang sering dikemukakan oleh penduduk-penduduk kampung di daerah saya sebagai sebuah daerah luar bandar mengenai jalan-jalan kampung yang begitu lapuk dan teruk sekali rupanya sehingga berjalan kakipun sukar mengelak lubang sana sini yang sudah begitu lama tidak diperbaiki oleh Majlis Kerajaan Tempatan di kawasan itu. Mengikut apa yang difahamkan Majlis Daerah berkenaan tidak mencukupi kewangan untuk memperbaiki jalan yang serupa itu maka dengan ini saya merayu kepada Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang mencukupi kepada Majlis Kerajaan Tempatan terutama di daerah luar bandar Negeri Sarawak bagi melaksanakan tanggungjawab Majlis-majlis Daerah itu untuk kepentingan rakyat luar bandar terutamanya untuk jalan-jalan kampung yang lapuk serta parit-parit yang tidak mengalir air lagi.

Di bidang kesihatan pula, saya berharap Kementerian berkenaan mengambil perhatian tentang rumah Sakit Law King Howe, Sibul yang sentiasa penuh sesak sehingga tidak ada tempat lagi untuk pesakit di katil-katil yang tertentu, terpaksa pesakit yang malang ditempatkan di ruang lalu lintas dalam wad-wad rumah sakit itu. Rumah Sakit Law King Howe bukan sahaja untuk pesakit dari Bahagian Ketiga bahkan pesakit dari Bahagian Keenam dan Ketujuh juga mendapat rawatan di situ.

Mengenai Hospital Daerah Mukah, apa yang saya dengar dua atau tiga tahun dahulu untuk diperbesarkan lagi. Sampai hari ini nampaknya tidak ada perubahan dibuat bagi hospital berkenaan. Hospital itu adalah bagi kepentingan dua daerah iaitu Daerah Mukah dan Dalat. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat melaksanakannya dalam tahun kewangan yang dibahaskan sekarang sejajar dengan apa yang pernah dikatakan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah kesihatan rakyat di luar bandar.

Berbalik saya kepada guru-guru agama yang terlatih pula. Negeri Sarawak masih berkehendakkan ramai lagi guru-guru agama yang terlatih terutama di sekolah rendah dan menengah luar bandar. Memandangkan keadaan perkembangan negara kita sekarang, saya rasa di bidang agama adalah salah satu pelajaran yang boleh menjamin tata-tertib dan sopan-santun yang boleh memberi latihan dan kesedaran kepada jenerasi baru bagi menjauhkan daripada segala pengaruh jahat yang merugikan negara seperti dadah dan lain-lain lagi.

Mengenai pelaburan pula, seperti yang telah dinyatakan oleh Menteri yang berkenaan kami berharap perkara seperti itu benar-benar memberi keuntungan kepada negara dan rakyat supaya negara ini tidak menjadikan hanya sebagai alat permodalan keluar untuk mendapat keuntungan yang besar sahaja bagi faedah mereka. Oleh itu, kami berharap pihak berkenaan mengambil perhatian supaya mengawasi dengan lebih teliti lagi bagi agensi-agensi Kerajaan di semua negeri benar-benar memberi perkhidmatan yang lebih cekap demi kepentingan dan memberi faedah kepada negara dan rakyat seluruhnya serta tindakan tegas hendaklah diambil jika terdapat kakitangan agensi yang tidak bertanggungjawab atas tugas mereka yang tidak mematuhi dasar Kerajaan.

Tentang masalah kekurangan minyak tanah pula, bagi rakyat luar bandar yang berjauhan dari bandar dan pekan di Negeri Sarawak boleh dikatakan sangat sukar untuk mendapat bekalan minyak tanah. Hal ini telah berlaku beberapa ketika ke belakang ini oleh kerana mereka yang jauh dari bandar dan pekan apabila waktu minyak sampai mereka tidak tahu. Apabila minyak sudah habis dijual barulah mereka datang untuk membelinya. Malangnya, mereka balik begitu jauh dengan rasa yang hampa membawa tin kosong.

Saya berharap bekalan minyak tanah untuk satu-satu daerah ditentukan banyaknya dan arahan juga diberi kepada stesen menjual minyak supaya tiap-tiap pembeli diberi bahagian yang sama supaya orang yang jauh juga mendapat peluang membelinya. Mengikut apa yang saya difahamkan, misalnya di Mukah hanya mendapat lebih kurang 10,000 gelen sahaja minyak tanah dalam

tempoh masa satu bulan, kadang-kadang pun kurang dari itu. Jumlah ini saya rasa memang tidak mencukupi untuk kampung-kampung di pekan itu. Mengikut seperti yang difahamkan oleh pengedar minyak di situ sekurang-kurangnya 15,000 gelen sebulan barulah mencukupi untuk pekan Mukah.

Bagi rakyat luar bandar, minyak tanah hanya diperlukan untuk lampu dan pelita di rumah mereka sahaja, bukan untuk kegunaan memasak. Oleh hal yang demikian saya berharap pihak yang bertanggungjawab membuat peraturan dan syarat yang tertentu kepada stesen menjual minyak tanah di Negeri Sarawak di waktu mana pembekalannya tidak mencukupi supaya rakyat yang berjauhan dari tempat menjual minyak tersebut sama-sama dapat membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mengesyorkan kepada yang berkenaan supaya memberi peluang kepada bumiputra di tiap-tiap daerah luar bandar menjadi pengedar minyak tanah, diesel dan petrol. Apa yang saya ketahui selama ini sangat sukar bagi peniaga bumiputra memohon untuk mendapat sebagai pengedar minyak di negeri itu.

Menyentuh masalah tanah rakyat bumiputra pula yang telah begitu lama diukur oleh Jabatan Tanah dan Ukur untuk rancangan menanam kelapa sawit dan ternakan lembu di antara Mukah dan Balingian, Sarawak di mana sebahagian daripadanya telah dibayar dan sebahagian lagi belum dibayar ganti-rugi tanah tersebut oleh pihak yang berkenaan. Perkara ini apabila dirujuk kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, jawabnya bayaran ganti-rugi tanah itu adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Mereka yang berkenaan ingin tahu berapa lamakah mereka menunggu untuk menerima pembayaran tanah mereka itu ataupun pihak yang berkenaan tidak mahu lagi tanah itu. Diharap mendapat penjelasan supaya mereka yang berkenaan dapat mengetahui keputusannya.

Mengenai tanaman semula hutan adalah satu perkara yang sangat diperlukan. Suka saya mengesyorkan dalam Dewan ini syarikat-syarikat yang mendapat lesen membalak dalam hutan simpanan Kerajaan Negeri Sarawak sepatutnya membayar cukai tambahan atau cess untuk tanaman semula hutan

negeri itu. Jika kita lihat keadaan syarikat-syarikat membalak atau kilang-kilang papan di Negeri Sarawak yang sudah begitu lama menikmati keuntungan yang besar sepatutnya bekerjasama untuk menjaga hutan sebagai satu sumber yang sangat diperlukan oleh rakyat tempatan dan ekonomi negara. Nampaknya pada masa ini sangat sukar rakyat untuk membeli papan-papan jenis kayu yang teguh seperti Meranti, Kapur dan lain-lain lagi kerana harganya sudah begitu tinggi dan juga kilang-kilang papan lebih suka menjual balak ke luar negeri kerana harganya lebih menguntungkan.

Harapan kebanyakan rakyat luar bandar baik di kampung-kampung dan rumah panjang di Sarawak hanya bercita-cita untuk membuat rumah papan untuk berteduh daripada hujan dan panas. Jikalau hutan yang ada sekarang tidak dikawal dari masa ini kemungkinan dalam masa 30 tahun lagi sukar sekali untuk rakyat miskin membeli papan. Atas kesedaran Kerajaan menggalakan tanaman hutan, saya ucapkan syabas, pendek kata sebelum hujan sediakan payung.

Sukacita juga saya mendengar berita pada awal tahun 1980 kapalterbang jenis Skyvan yang boleh membawa 20 orang penumpang akan digunakan untuk berkhidmat di luar bandar dan pendalaman Negeri Sarawak bagi menggantikan kapalterbang jenis BN. 2 yang hanya dapat membawa 8 orang penumpang sahaja. Apa yang menjadi perhatian saya ialah keadaan landasan kecil kapalterbang di luar-luar bandar tidak begitu memuaskan. Ianya dibuat tidak ubah macam padang bola sepak dengan ditumbuhi rumput begitu sahaja.

Di masa hujan lebat tanahnya menjadi lecek seperti terdapat di daerah saya. Kerap kali pembatalan mengejut dibuat oleh MAS kerana kapalterbang BN. 2 yang saya sebut itu tidak boleh mendarat kerana padang lecek dan berair. Saya yakin pihak yang berkenaan dapat mengatasi masalah seperti ini bagi menjaga keselamatan rakyat di luar-luar bandar yang menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai susunan semula cukai eksport lada hitam dan minyak kelapa sawit dalam Sarawak adalah keputusan yang baik kerana jika dipandang daripada segi ongkos pengangkutan membawa hasil pertanian keluar dari negeri itu jauh lebih

mahal jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung ini. Juga harga seperti baja dan lain-lain alat kelengkapan pertanian pun lebih mahal dari Semenanjung. Oleh itu selalu kedengaran kami dari Sarawak dan Sabah bercakap baik di Dewan Rakyat mahupun di Dewan yang mulia ini hampir sama sahaja rentaknya bila membahaskan Belanjawan dan peruntukan untuk negara kita ini.

Belanjawan yang kita bahaskan ini saya rasa boleh memberi sedikit nafas baru terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah, kaum tani, nelayan dengan meninggalkan sedikit mutu kehidupan harian mereka.

Menyentuh mengenai keselamatan negara, sepertimana Dewan sedia maklum, satu peruntukan yang agak besar telah diperuntukkan. Memandang kepada perkembangan di sekitar negara kita sekarang dan juga keadaan dalam negeri di mana berbagai ragam golongan yang tidak bertanggungjawab, kadangkala boleh merosakkan perpaduan dan keselamatan yang terpaksa memerlukan tugas-tugas pihak keselamatan adalah sangat diperlukan.

Oleh hal yang demikian, Angkatan Tentera, Pasukan Polis hendaklah dilengkapi dengan senjata baru dan moden serta bot-bot laju bagi meronda terutama seperti pantai terbuka di Negeri Sarawak, ditambah lagi untuk mencegah orang asing mendarat serta melindungi nelayan kita dan pasukan RELA pula hendaklah dilengkapi dengan senjata moden bagi mengganti senapang patah seperti yang ada sekarang ini bagi memperkuat lagi semangat mereka untuk mempertahankan keselamatan negara kita ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 1980 yang di hadapan Dewan sekarang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tuan Haji Khalid.

6.30 ptg.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semalam tentang strategi

Belanjawan kita tahun 1980 ialah bagi membantu pertumbuhan iktisad dan juga membendung inflasi yang dianggarkan akan bertumbuh dengan pesatnya pada tahun-tahun yang akan datang. Dari segi pandangan saya setelah dapat penjelasan dan ucapan dari Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, sesungguhnya tidaklah keterlaluan kalau kita katakan bahawa Belanjawan pada tahun ini adalah satu Anggaran Belanjawan yang terbaik sekali selepas merdeka.

Peruntukan-peruntukan yang diberi mengenai dengan expansion of industries atau pertumbuhan perusahaan yang pada tahun yang lalu saya hanya telah meminta sebanyak 60% tetapi pada tahun ini telah diperuntukkan sebanyak 80%. Saya kira adalah wajar bagi saya sebagai seorang Ahli Majlis Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan khususnya kepada Menteri yang berkaitan dan juga kakitangan yang begitu dedikasi telah menyediakan satu Anggaran Belanjawan yang terbaik sekali. Walau bagaimana sekali pun sebagai memberi sumbangan di dalam membahaskan ucapan Belanjawan yang sedang berjalan sekarang ini, ada beberapa perkara yang masih menjadi ragu-ragu iaitu tentang mengawal inflasi akibat daripada memotong cukai yang begitu banyak, yang pada saya sebagai seorang biasa tentulah pasaran kewangan atau kedudukan kewangan di pasaran akan menjadi melimpah-limpah dan ini akan menimbulkan masalah inflasi walaupun telah disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri bahawa satu Jawatankuasa Khas telah dibentuk bagi mengawal inflasi. Saya percaya tugas Jawatankuasa ini amatlah sulit dan berat dan sehingga kita melihat pada penghujung tahun akan datang, saya masih berasa was-was di atas kemungkinan kita melawan inflasi pada tahun 1980.

Selain daripada itu, walaupun kita mempunyai satu kedudukan kewangan yang teguh dan juga kedudukan ekonomi yang teguh masing-masing di antara kita hanya mempunyai satu perasaan yang kurang senang ataupun perasaan yang begitu mendukacitakan tentang kedudukan keselamatan negara kita akibat daripada kejadian-kejadian di dalam negeri dan juga akibat daripada kejadian-kejadian di Indo-China dan negara-negara yang di sekitarnya.

Banyak di antara kita telahpun menyatakan rasa kebimbangan mengenai dengan kedudukan badan-badan dakwah yang berlaku dan berjalan di dalam negara ini kadang kala kebimbangan ini, pada hemat saya, adalah keterlaluhan, kerana kalau diperhatikan dengan teliti dan mendalam badan-badan dakwah ini walaupun dengan sepintas lalu nampaknya ada memberi kebimbangan tetapi kalau diselidiki dan diambil perhatian dengan mendalam, saya rasa Kerajaan bukan sahaja patut memberi bantuan dan memberi perhatian kepada gerakan-gerakan ini akan tetapi patut juga meneliti dengan lebih halus kesan-kesan yang dapat ditimbulkan oleh badan ini dari segi mendorong pemuda pemudi kita kepada kedudukan akhlak ataupun kepada kedudukan moral yang agak dapat dikawal. Saya percaya badan-badan dakwah ini bukan sahaja akan dapat membantu meninggikan taraf budi pekerti pemeluk-pemeluk ugama Islam tetapi juga akan dapat menjadi benteng kepada pertahanan kita untuk menentang ideologi komunis yang tidak berTuhan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin mengingatkan di sini ialah tentang kepercayaan ataupun akidah di dalam Islam. Akidah ini manakala dapat tumbuh dengan subur dan dapat memikat kepercayaan seseorang bukanlah mudah bagi kita untuk menukar atau membendung kepercayaan-kepercayaan ataupun akidah-akidah ini, lebih-lebih lagi jikalau akidah itu dapat menolong kita di dalam mengawal apa yang saya sebutkan tadi akhlak budi pekerti pemuda-pemuda kita. Dengan kepercayaan kerana sesuatu ideologi atau kepercayaan kepada sesuatu ugama, manusia itu boleh mengorbankan apa sahaja baik pun jiwaraga mereka sendiri. Oleh itu di dalam mengatasi masalah ini, sukalah saya mengingatkan bahawa Kerajaan mestilah berhati-hati dan mengambil perhatian yang lebih mendalam.

Selain daripada itu, kita telah melihat di dalam Anggaran Belanjawan ini juga seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan iaitu matlamat kita ialah bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru. Dengan potongan cukai pendapatan dan juga dengan memberi pelepasan cukai kepada pelaburan dan juga expansion of industries, perkara ini mungkin berlaku di satu peringkat yang mana sebahagian kecil daripada rakyat akan dapat menikmati faedah-faedah daripada perlepasan ini. Akan tetapi yang lebih

membimbangkan ialah dengan bertambahnya inflasi pada tahun-tahun yang akan datang, kedudukan perolehan kepada buruh-buruh biasa ataupun buruh-buruh di kampung-kampung ataupun buruh-buruh binaan ataupun buruh-buruh yang bekerja di dalam perusahaan, akan terjejas kalau sekiranya inflasi berlaku pada tahun akan datang manakala mereka ini tidak mendapat faedah yang secara langsung daripada hasil potongan cukai ataupun hasil daripada pelepasan-pelepasan cukai kepada industri-industri seperti mana yang telah disebutkan.

Jadi perhatian ke arah ini iaitu ke arah supaya inflasi jika sekiranya berlaku pada tahun-tahun akan datang tidak akan menyulitkan kedudukan buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja kilang ataupun pekerja-pekerja bangunan ataupun pekerja-pekerja biasa di kampung-kampung. Saya harap Jawatankuasa yang bertanggungjawab mengenai dengan pencegahan inflasi dapat menimbangkan di atas perolehan buruh-buruh biasa ini supaya tidak menjadi begitu sulit mereka menghadapi kehidupan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa sebahagian besar daripada kewangan EPF telahpun dilaburkan ke dalam badan-badan perniagaan ataupun seterusnya kepada badan-badan perumahan di negara ini. Banyak di antara ahli-ahli Majlis ini telah merungut tentang kesusahan rakyat yang berpendapatan kecil untuk mendapat rumah. Kalau sekiranya badan EPF ini boleh melaburkan kepada satu-satu badan kewangan ataupun badan-badan perumahan dengan kadar interest yang rendah, sebaliknya badan-badan itu mengenakan pula interest atau faedah yang lebih tinggi kepada peminjam-peminjam yang terdiri daripada ahli-ahli EPF sendiri. Maka saya rasa adalah lebih wajar ataupun lebih waras sekiranya EPF itu melaburkan terus atau memberi pinjaman terus kepada ahli-ahlinya dengan kadar faedah yang rendah dengan tidak menokok melalui badan-badan yang lain yang mana mereka menambah pula kadar keuntungan itu kepada badan itu sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut sedikit berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan.

Pada biasanya boleh dikatakan 80% daripada rakyat negeri ini menggunakan pengangkutan awam ataupun public transport. Jadi kalau kita pandang di sekitar negara-negara di daerah ini lebih-lebih lagi negara yang berkemajuan, kedudukan pengangkutan di negara kita adalah jauh daripada memuaskan. Ini adalah disebabkan kalau ditimbang dengan halusi, pengangkutan di negara kita adalah jauh lebih murah daripada negara-negara lain dengan sebab harganya begitu rendah, dan pembawa-pembawa teksi tidak mendapat satu peruntukan ataupun perolehan yang cukup bagi mengawal sama ada tubuh badan mereka, pakaian mereka ataupun kenderaan yang mereka bawa.

Saya percaya dan saya berharap Kerajaan daripada sekarang ini patutlah memberi satu perhatian yang serius kepada kedudukan pengangkutan di negara kita ini dan saya berterima kasih kerana Kerajaan telahpun melantik sebuah Jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di dalam soal melaksanakan atau menimbangankan masaalah pengangkutan awam ini.

Walau bagaimana sekalipun, saya sukalah menyebutkan sedikit di sini iaitu tentang apa pun perkara-perkara yang akan dicadangkan oleh Jawatankuasa ini terutama sekali hendaklah pekerja-pekerja ataupun syarikat-syarikat bas atau teksi ini mendapat pendapatan yang cukup untuk memberi satu khidmat yang cukup.

Saya nampak, kalau kita bandingkan keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat bas atau pemandu-pemandu teksi, adalah berlainan sekali jika dibandingkan dengan perolehan Syarikat Penerbangan Malaysia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 10 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 6.47 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.02 malam.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*Persidangan disambung semula.*

7.02 mlm.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pengangkutan yang saya sebut sekejap tadi sukalah saya mengesyorkan iaitu satu cara subsidi ataupun bantuan dengan apa cara sekalipun, sama ada pelepasan cukai bagi import motokar-motokar atau bas-bas ataupun dengan cara yang lain untuk memberi galakan supaya pengangkutan ini dapat berjalan dengan lebih selesa dan dapat dinikmati oleh sebilangan besar daripada rakyat seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Pada saya kemajuan di dalam bidang-bidang yang lain adalah menjadi perbandingan yang begitu kerana dengan kemajuan kita di bidang transport. Sepertimana yang saya katakan tadi iaitu pihak Sistem Penerbangan Malaysia telah mendapat keuntungan yang begitu besar walaupun selepas berlaku krisis. Ini menunjukkan bagaimana keistimewaan telah diberi kepada Sistem Penerbangan Malaysia tetapi tidak diberkian kepada pengangkutan-pengangkutan yang lain yang digunakan oleh rakyat di peringkat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebenarnya ingin merayu kepada Kementerian Pengangkutan mengenai Perkhidmatan Penerbangan Malaysia, khususnya bagi negeri Kedah di mana pengguna-pengguna Sistem Penerbangan Malaysia di negeri Kedah sudah begitu lama sekali ingin mendapatkan kemudahan-kemudahan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih sempurna, akan tetapi nampaknya hingga hari ini belum ada langkah yang positif yang telah diambil bagi membaiki kedudukan Perkhidmatan Penerbangan Malaysia bagi pengguna-pengguna di daerah Negeri Kedah. Kalau dibandingkan dengan Pulau Pinang di mana begitu banyak sekali, bukan sahaja khidmat dalam negeri melalui MAS tetapi juga perkhidmatan-perkhidmatan luar negeri seperti Singapore Airlines dan juga perkhidmatan-perkhidmatan international yang lain singgah di Pulau Pinang, boleh dikatakan berpuluh-puluh kali ganda daripada apa yang terdapat di Alor Setar.

Saya berharap Kementerian ini akan memahami bahawa kemajuan pesat di negeri Kedah adalah tergendala disebabkan kekurangan perkhidmatan pengangkutan yang mana pihak-pihak industrialist atau pengusaha-pengusaha luar tidak begitu tertarik disebabkan kepayahan pengangkutan ini.

Pada masa ini kalau seorang hendak balik ataupun hendak datang daripada Kedah ke Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur ke Alor Setar akan terpaksa menunggu menghabiskan masa lebih daripada 3 jam kalau terpaksa singgah melalui Pulau Pinang, selepas singgah di Pulau Pinang terpaksa pula mengambil satu teksi ke Pengkalan Tun Uda, selepas itu menyeberangi pula dengan motor ke sebelah Tanah Besar, selepas itu menaiki pula bas yang memakan masa di antara 2 hingga 2½ jam. Kalau Kerajaan Persekutuan benar-benar ingin melihat pertumbuhan perusahaan di negeri Kedah yang mana telah diberi taraf istimewa, saya rasa perkhidmatan ini juga patutlah diberi untuk memudahkan para industrialist atau pedagang-pedagang luar untuk berkunjung dan menarik lebih pelaburan ke negeri Kedah.

Lagi satu perkara yang akhir sekali ialah mengenai Kementerian Luar Negeri. Saya suka juga menyebut di sini iaitu saya telah dapat peluang, boleh dikatakan kepada kebanyakan tempat-tempat di luar negeri dan saya dapati kakitangan-kakitangan Kementerian ataupun kakitangan-kakitangan kedutaan kita selalu merungut tentang kepayahan mereka sendiri, anak-anak mereka untuk mendapat pelajaran, khususnya mengenai Pelajaran Agama. Jadi patutlah Kementerian ini mengambil berat tentang anak-anak kakitangan dan juga penuntut-penuntut di luar negeri yang sangat memerlukan pelajaran-pelajaran agama untuk memberi bimbingan yang wajar bagi mereka.

Yang kedua, saya juga ingin menyebut sedikit iaitu tentang kakitangan-kakitangan kedutaan kita di luar negeri yang bukan keturunan Malaysia. Saya dapati mereka tidak langsung tahu kedudukan di Malaysia, lebih-lebih lagi mereka tidak faham apakah Malaysia ini, kedudukan negerinya di mana, bagaimana bahasanya, bagaimana bangsanya, bagaimana perlembagaannya. Ada di antara mereka ini yang mengambil berat untuk menziarah atau untuk berkunjung ke negeri kita. Oleh itu, saya berharaplah kalau sekiranya Kementerian Luar Negeri akan dapat membuat satu skim di mana akan diberi peluang kepada pekerja-pekerja yang bukan rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan sekian-sekian tahun untuk diberi subsidi kepada mereka untuk datang melawat ke negeri ini walaupun pada seumur hidup sekali.

Dengan cara ini mereka di masa perjumpaan atau bertamu dengan orang-orang yang datang daripada luar negeri untuk berjumpa dengan mereka di Kedutaan Malaysia dapatlah menerangkan sedikit sebanyak mengenai dengan kedudukan Malaysia yang sebenarnya.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tertinggal sedikit tadi berkenaan dengan perkara dakwah. Saya sukalah menyebutkan iaitu biar pun apa yang kita lakukan mengenai Ugama Islam, Kerajaan kita mestilah menjalankan ataupun mengembangkan Ugama Islam ini daripada sudut ugama semata-mata. Kita tidaklah harus mencampurkan atau menjadikan tujuan-tujuan politik seperti mana yang di lakukan oleh parti-parti lain iaitu menjadikan ugama alat kepada tujuan-tujuan politik. Oleh itu, saya berharaplah bukan sahaja Kerajaan, tetapi juga seluruh badan-badan dakwah yang lain agar dapat membersihkan kedudukan mereka daripada tujuan-tujuan politik semoga dapat Ugama Islam berkembang dengan lebih sempurna.

7.12 mlm.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun.

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Belanjawan tahun 1980 dan saya hendak bercakap sepatah atau dua dalam Rang Undang-undang Perbekalan, 1980.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan, 1980 oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah di Dewan Rakyat pada 18hb. Oktober 1979 baru-baru ini, beberapa penyusunan baru telah dilakukan ke atas cukai-cukai. Dalam ucapan tersebut, beliau telah menegaskan walaupun pada tahun-tahun kebelakangan ini, keadaan-keadaan ekonomi muram dan tidak menggalakkan, namun demikian, pertumbuhan ekonomi negara kita masih dapat bertumbuh pada kadar 8% berbanding dengan kadar inflasi 4%, ini jelas memperlihatkan pertumbuhan ekonomi kita yang kukuh dan sihat dan yang sangat-sangat menggalakkan. Menurut Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kestabilan ekonomi negara kita adalah disebabkan dari hasil perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, di samping mendapat sokongan dan penyertaan

dari segenap lapisan masyarakat. Maka dengan hal yang demikian, dalam Belanjawan tahun 1980, Kerajaan telah mengurangkan beberapa jenis cukai untuk memberi manfaat kepada sekalian rakyat, mengurangkan tanggungan dan beban mereka supaya rakyat kita dapat bersama-sama menikmati hasil pertumbuhan ekonomi negara. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menjelaskan, iaitu sebelum pengurangan ke atas cukai-cukai, Kerajaan mendapat kelebihan cukai sebanyak \$570 juta, dan selepas pengurangan ke atas cukai, kelebihan cukai hanya tinggal \$33 juta sahaja. Walau bagaimana sekalipun, pengurangan-pengurangan cukai ini tidak akan mengurangkan projek-projek pembangunan negara. Tetapi di sebaliknya, Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan dengan pinjaman-pinjaman asing, bagi menjamin pelaksanaan dan kejayaan sepenuhnya bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah satu-satunya jaminan konkrit kepada sekalian rakyat. Maka rakyat seharusnya bersatu padu, tekun dan sentiasa berusaha untuk pembangunan-pembangunan negara yang akan menguntungkan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini bolehlah dikatakan sebagai usaha dan cita-cita Kerajaan memerangi inflasi, usaha Kerajaan untuk memperbaiki keadaan-keadaan ekonomi dan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak \$90 juta untuk rancangan bekalan elektrik. Rancangan ini akan memberi faedah kepada sebanyak 40 ribu keluarga luar bandar. Peruntukan sebanyak \$200 juta untuk bekalan air, \$260 juta untuk penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan, membina 50 buah pusat-pusat kesihatan, 109 buah pusat-pusat kesihatan kecil di kawasan-kawasan luar bandar, projek-projek ini akan memanfaatkan seramai 6,500,000 rakyat. Di samping itu, Kerajaan akan membina jalan-jalan luar bandar sejauh 350 batu demi memudahkan pengangkutan barang-barang keluaran luar bandar. Ini semua adalah projek-projek yang amat menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan-kawasan luar bandar dalam negara kita, taraf kehidupan, kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, infrastructure, bekalan air dan elektrik serta lain-lain lagi jika dibandingkan dengan keadaan-keadaan di kawasan-kawasan

bandar, ia adalah masih ketinggalan dan berkurangan di sana sini. Masih ramai lagi kanak-kanak di kawasan luar bandar tercicir kerana kemiskinan ataupun disebabkan kesusahan kemudahan pengangkutan. Ini adalah sesuatu yang sangat merugikan negara dan juga masyarakat kita. Kekurangan kemudahan kesihatan mengganggu kesihatan rakyat luar bandar. Kekurangan ataupun ketiadaan bekalan air dan elektrik adalah menyusahkan kehidupan. Maka dengan kekurangan-kekurangan ini rakyat luar bandar telah merasa seolah-olah mereka telah diabaikan. Untuk menjamin persefahaman dan pertalian erat di kalangan rakyat jelata, maka dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan, perhatian-perhatian juga mesti diberikan ke kawasan-kawasan luar bandar. Bantu mereka supaya mereka juga akan menikmati kemudahan-kemudahan moden demi menghapuskan fahaman mereka kononnya rakyat kawasan-kawasan bandar sahaja yang mendapat keistimewaan pembangunan. Dalam Belanjawan tahun 1980, perhatian berat telah ditumpukan ke aspek ini, maka kita berharap, dengan Kerajaan serta ketekunan rakyat luar bandar, pelaksanaan projek-projek perekonomian akan dapat dipercepat dan dijalankan dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar pertumbuhan ekonomi kita mengatasi kadar inflasi, pengurangan cukai-cukai ini adalah bertujuan untuk mengurangkan tekanan inflasi demi membantu rakyat.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, oleh kerana kenaikan kadar inflasi, selain daripada golongan pekerja-pekerja binaan sahaja, pekerja-pekerja dan buruh-buruh di bidang-bidang lain, termasuk pekerja-pekerja kilang, pendapatan mereka tidak dinaikkan selaras dengan keadaan-keadaan pada masa ini.

Golongan-golongan yang berpendapatan rendah ini, mereka tidak mendapat keuntungan dan kebaikan dari pengurangan cukai ini. Begitu juga keadaan petani-petani dan nelayan-nelayan. Kenaikan pelepasan perseorangan bagi cukai pendapatan juga tidak menguntungkan golongan-golongan berpendapatan rendah ini, kerana mereka sememangnya adalah orang-orang yang tidak dikenakan cukai pendapatan.

Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi kita ialah 8% berbanding dengan kadar inflasi sebanyak 4% tetapi sedihnya, kadar

kenaikan gaji bagi buruh-buruh dan pekerja-pekerja masih kurang dari 4% setahun. Pendapatan mereka, hasil perolehan mereka menyekat tekanan-tekanan inflasi. Tahun demi tahun, mereka ditekan oleh kadar inflasi, pada pandangan saya, ini adalah masalah yang tidak patut diketepikan. Maka dengan hal yang demikian, Kerajaan sepatutnya memberi perhatian berat, walaupun kadar pertumbuhan ekonomi mengatasi kadar inflasi, namun demikian masih ramai lagi rakyat kita yang tidak mampu menanggung kadar inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan negara dan perpaduan negara adalah bergantung ke atas kesenangan hidup rakyat. Sekiranya hanya sebahagian sahaja rakyat yang menikmati keuntungan pertumbuhan ekonomi negara, dan sebahagian lagi hidup dalam keadaan-keadaan serba kekurangan dan susah, maka akan menjadi sentimen kemarahan yang boleh mengancamkan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Belanjawan tahun hadapan adalah menumpu ke atas kebaikan-kebaikan rakyat jelata. Kita juga dapat melihat dari Belanjawan negeri Pulau Pinang, cukai bagi Kerajaan Negeri adalah begitu terhad. Di Pulau Pinang, kita tidak ada sumber-sumber bahan-bahan mentah seperti bijih timah, petroleum, kayu-kayan ataupun lain-lain lagi. Maka dengan itu, di sini saya menyahut seruan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri baru-baru ini, iaitu merayu kepada Kerajaan Pusat supaya dapat mempertimbangkan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada negeri tersebut. Penambahan peruntukan patut diberikan untuk memberi manfaat kepada seluruh rakyat kita di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sedikit sebanyak tentang pelajaran dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun mengumumkan bahawa Kementerian Pelajaran akan bermula dari tahun depan hingga tahun 1982 melalui empat Maktab Perguruan melatih guru-guru sekolah rendah Cina menjadi terlatih dan berkelayakan. Di bawah rancangan pelatihan ini, Kerajaan akan melatih sebanyak 2,700 guru sekolah rendah Cina untuk mengatasi

masalah kekurangan guru dan untuk memenuhi keperluan pembangunan sekolah-sekolah rendah Cina. Beliau juga mengatakan bahawa pengambilan balik guru-guru sementara bagi tahun depan tidak menjadi soal.

Tuan Yang di-Pertua, sebab utama masalah kekurangan guru-guru sekolah rendah Cina ini berlaku bukan kerana ianya tidak ada orang-orang berkelayakan yang cukup. Pada umumnya tiap-tiap tahun d'dapati ramai pemohon ingin buat permohonan masuk maktab perguruan, akan tetapi ramai pemohon gagal dapat diterima. Pengambilan guru pelatih bagi Bahagian Cina setiap tahun yang diadakan oleh Pesuruhannya Perkhidmatan Pelajaran tidak mengisi semua tempat-tempat kosong yang ditetapkan. Oleh itu, tiap-tiap tahun guru-guru baru keluar dari Maktab Perguruan tidak dapat memenuhi semua jawatan kosong yang ada di sekolah-sekolah rendah Cina. Keadaan ini menjadi semakin teruk pada tahun kebelakangan dengan bilangan murid-murid bertambah melipatganda dan kadar guru-guru yang bersara melambung naik. Dalam keadaan ini masalah kekurangan guru-guru menjadi bertambah hebat.

Bilangan guru sementara yang d'dapati sekarang di sekolah rendah Cina di Malaysia Barat ada sebanyak 1,300 orang, dan mereka itu semua berkelayakan sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, barulah mereka boleh mengajar. Adalah patut dan adil mereka itu diberi peluang untuk dapat latihan, apakah lagi mereka itu semua berpengalaman pula. Datuk Chan Siang Sun ialah seorang Timbalan Menteri Pelajaran dan masalah pelajaran adalah tugas beliau dan beliau tentu mempunyai penyelesaian bagi rancangan-rancangan untuk masa depan. Kata-kata janji yang beliau kemukakan itu tentu akan dapat perhatian berat oleh orang-orang yang meminati tentang pembangunan sekolah-sekolah rendah Cina di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sistem latihan guru yang ada di negara kita sekarang mengenai bahasa pengantar jauh daripada memuaskan kerana keadaan sebenar berlainan daripada keperluan. Ini adalah hakikat yang tidak dapat dinafikan. Sejak 1971 Maktab-maktab Perguruan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar untuk melatih guru-guru pelatih dan

guru-guru ini bila tamat dari kursus perguruan, mereka ditempatkan berkhidmat di sekolah-sekolah rendah Cina dan mengajar matapelajaran-matapelajaran dalam bahasa Cina. Ini tidak sesuai dengan logik.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kementerian Pelajaran mengadakan Maktab-maktab Perguruan ialah ingin memberi latihan yang sesuai untuk memenuhi keperluan murid-murid supaya negara kita dapat tenaga manusia yang bermutu tinggi. Matapelajaran-matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah rendah Cina selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia semuanya diadakan dalam Bahasa Cina, jadi bakal guru-guru sekolah rendah Cina patut menerima latihan dengan penggunaan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar yang mana ini baru sesuai dengan keperluan sebenar. Dalam keadaan ini jika kita ingin menentukan murid-murid di sekolah Cina untuk menguasai matapelajaran mereka, maka adalah baik guru-guru pelatih itu dilatihkan dengan penggunaan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Tetapi hal ini yang ada di negara kita sekarang lain sama sekali. Ini akan merugikan murid-murid sahaja. Oleh itu, masalah bahasa pengantar yang digunakan di Maktab-maktab Perguruan telah menimbulkan tandatanya di kalangan orang Cina bahawa adakah hal ini disediakan untuk membawakan perubahan kepada sekolah-sekolah rendah Cina?

Kalau Kerajaan tidak berniat hendak mengadakan apa-apa perubahan kepada sekolah-sekolah rendah Cina yang ada sekarang, maka apakah sebab Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar untuk melatih bakal guru-guru di sekolah Cina. Sekarang bilangan guru sementara yang mengajar di sekolah-sekolah rendah itu ada 9.1% daripada jumlah tenaga pengajar di semua sekolah Cina. Daripada tiap-tiap sepuluh orang guru di sekolah rendah Cina didapati ada seorang guru sementara. Ini membuktikan keadaan kekurangan tenaga pengajar yang hebat di sekolah-sekolah rendah Cina. Keadaan ini telah berterusan lebih daripada 20 tahun. Dalam bidang status, jaminan dan layanan apa pun, guru sementara ini selalu tidak dapat sesuatu yang adil. Ada ramai orang yang berkeelayakan yang menjadi guru sementara, tetapi mereka tidak diambil untuk masuk maktab perguruan. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil semua

guru sementara itu untuk melatihkan mereka menjadi guru terlatih. Dengan ini, maka barulah dapat kita mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di sekolah-sekolah rendah Cina.

Dengan pelaksanaan sistem pelajaran ini, bahasa-bahasa tiap-tiap kaum itu boleh terus diajarkan dan Bahasa Kebangsaan akan menjadi satu alat untuk menyatu-padukan semua rakyat kita.

7.30 mlm.

**Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan Kerajaan dalam Belanjawan negara tahun 1980 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri Kewangan. Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah adalah dialu-alukan oleh semua rakyat di dalam negara ini. Sungguhpun beberapa perubahan pelepasan cukai telah diubah dan beberapa cukai lain telahpun diubah dan memberi pelepasan yang begitu menyenangkan rakyat, Kerajaan ini adalah bertanggungjawab kerana meringankan beban rakyat di dalam negara kita ini.

Saya tidaklah hendak mengulangi aluan-aluan berkenaan dengan belanjawan ini oleh sebab masa tidak mengizinkan, tetapi saya fikir bukanlah perbuatan Kerajaan itu supaya berbuat demikian kerana mendakwah atau memancing atau memujuk hati rakyat di negara ini. Tetapi sungguhpun Kerajaan telah memberi amaran kepada kita bahawa ekonomi dunia kini bertambah tidak tenteram, lembab dan menghadapi inflasi ekoran daripada kedudukan harga minyak. Walaupun begitu negara kita adalah satu negara yang bertuah mendapat hasil daripada keluaran kita iaitu barang-barang mentah seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kayu kayan dan sekarang petroleum. Semua ini akan mendapat pasaran yang tinggi. Maka sebab itulah Kerajaan memikirkan patut kali ini belanjawan ini akan diberi kemudahan kepada rakyat. Jadi saya sebagai Ahli Dewan Negara dan orang ramai mengalu-alukan belanjawan ini.

Saya hendak menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan mengkaji duti harta pesaka. Ini adalah menarik perhatian saya kerana harta pesaka ini, jikalau saya tidak silap beratus-ratus ribu harta pesaka tidak dapat diselesaikan. Pertama sekali ialah harta-pesaka

orang-orang yang duduk di luar bandar khususnya orang Melayu. Jadi dengan adanya susunan baru berkenaan dengan kecualian daripada \$50,000 kepada \$300,000, saya fikir ini adalah oleh sebab nilai rumah dan harta benda sekarang telah meningkat naik, maka saya percaya ini akan dapat diselesaikan di masa ini. Tetapi had \$300,000 barangkali jikalau kita pandang tidak juga mencukupi. Nilai ini patut dilebihkan daripada \$300,000 jika dikaji dari satu masa ke satu masa.

Di sini juga Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan kenaikan perbelanjaan urusan kebumihan menjadi \$3,000, ini adalah menasabah.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya ialah Kerajaan akan mencadangkan supaya menubuhkan satu sistem gudang berlesen di Malaysia. Sekarang ini kita dapati di Shah Alam, Bandaraya Kuala Lumpur dan mana-mana tempat industri, tidak ada gudang. Soal gudang ini soal yang serius, soal yang rumit, soal yang penting, sebab hendak simpan barang-barang ganti dan juga barang-barang yang kita import daripada negeri lain, dan yang ada sekarang ini pun di dalam sekitar Kuala Lumpur, Shah Alam dan Kelang adalah sedikit sahaja, ada beberapa gudang sahaja. Ini akan menarik harga sewa gudang tinggi di dalam kawasan-kawasan ini. Ini adalah cadangan yang baik, tetapi Menteri juga menyeru supaya private sector patut mengambil bahagian di dalam hal ini. Tetapi ini adalah soal tanah. Jikalau Kerajaan Pusat dapat memujuk Kerajaan-kerajaan Negeri di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Selangor dan juga negeri-negeri lain mengkhaskan tanah untuk mendirikan gudang-gudang ini.

Saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan soal eksais dan duti. Saya declare di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya adalah Pengarah Urusan, Pencetakan Utusan Melayu dan beberapa percetakan, Pengerusi Persatuan Pakar-pakar Pencetak dan juga Pengerusi Persatuan Pencetak surat-khabar di Malaysia ini. Dahulu saya telah bercakap berkenaan dengan bahan-bahan yang digunakan oleh pencetak-pencetak di Malaysia sekarang ini adalah semakin hari semakin naik harganya khususnya berkenaan dengan kertas manuskrip dan kertas-kertas tempahan.

Bagi pihak mereka, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri kewangan yang telah melepaskan cukai berkenaan dengan import kertas-kertas ini ke Malaysia, bukan daripada Komanwel sahaja tetapi luar daripada Komanwel sebab Komanwel tidak cukup kertas. Jadi semua sekali di dalam dunia yang boleh mengimport kita beli kertas dan import tidak kena cukai sebanyak 10% tetapi kena surtax sebanyak 5%. Jadi 5% inipun pada fikiran kami adalah banyak sebab memandangkan harga kertas ini semenjak tahun 1971 meningkat naik sampai sekarang tahun 1979 dan tahun 1980. Inilah soalnya sebab kita menggunakan banyak kertas, kita tidak ada kilang kertas walaupun ada cadangan hendak buat kilang kertas dan hendak menanam pokok pine—itu adalah mengambil masa yang cukup panjang. Saya berharap kepada Yang Bernormat Menteri Kewangan jikalau tidak boleh potong, tidak boleh mansuhkan 5% surtax, berilah setengah daripada itu; 2% atau 3% dikecualikan seboleh-bolehnya 3% dikecualikan. Itu adalah permintaan daripada pihak-pihak persatuan yang saya mewakili.

Sekarang kita bertuah. Di sinilah barangkali orang ramai tidak tahu berkenaan dengan negara kita ini kukuhnya matawang. Saya memesan kertas ini daripada seluruh dunia, mencari kertas tidak boleh dapat melainkan berkontrak dalam masa yang panjang. Sekarang ini kita tidak beli melalui agensi, kita membeli terus dari mills yang ada di New Zealand, Canada, Sweden, Finland, Afrika, ataupun South Amerika tetapi harga yang ditetapkan oleh sebab kekukuhan matawang kita yakni yang rendah sekali dalam Asia, kertas-kertas ini dijual kepada Malaysia adalah yang rendah sekali oleh sebab kekukuhan kewangan kita.

Pada masa ini, tahun 1980, kita membeli kertas satu metric ton adalah sebanyak US\$445—US\$460 tetapi di India kena beli sebanyak US\$500 per metric ton—itupun tidak boleh dapat kertas. Di Indonesia kena beli US\$500 satu metric ton, di Hongkong US\$490 satu metric ton, di China US\$500 per metric ton. Di Malaysia sahaja yang murah di dalam pasaran kertas ini. Jadi ini adalah murah sekarang, tetapi ini juga tergantung kepada kedudukan minyak. Jikalau dalam bulan Januari atau Disember ini OPEC menaikkan harga minyak, akan melambunglah juga harga kertas ini. Jadi